


## BAB 2

### KERANGKA TEORI DAN SOROTAN KAJIAN

#### 2.1. Pengenalan.

Kerangka teori dalam kajian ini bermula dengan definisi, konsep keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan asnaf fakir dan miskin dari perspektif ekonomi dan *maqāsid syarīah*. Selepas itu pengukuran keberkesanan dengan menggunakan indeks-indeks kemiskinan iaitu (1) kadar kemiskinan, (2) jurang kemiskinan, (3) purata jurang kemiskinan, (4) nisbah jurang pendapatan dan (5) ketidakseimbangan agihan pendapatan digunakan untuk menganalisis keberkesanan agihan zakat.<sup>1</sup> Semua indeks tersebut akan dibuat perbandingan dalam dua keadaan iaitu (1) sebelum asnaf menerima agihan zakat dan (2) selepas asnaf menerima agihan zakat. Rajah 2.1. di bawah menggambarkan kerangka teori kajian, indeks kemiskinan dan analisis kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan.

Rajah 2.1: Kerangka Teori Kajian.



<sup>1</sup> Kerangka teori ini diubahsuai daripada kajian kemiskinan oleh para penyelidik seperti Chamhuri Siwar, Nor Aini Haji Idris, Ishak Yussof, Lukman Z, Hairi Abdullah, Jamilah Ariffin dan Ma'rof Redzuan. Kajian ini akan menganalisis dari dua perspektif iaitu ekonomi dan Islam. Ukuran kemiskinan mutlak merujuk kepada PGK dan kemiskinan relatif pula merujuk kepada agihan pendapatan.

Berdasarkan rajah 2.1. perkara utama yang perlu dikenalpasti dalam kerangka teori kajian ialah pemahaman mengenai definisi, konsep, indeks yang digunakan untuk mengukur keberkesanan agihan zakat dan kesan agihan menurut *maqāsid syarīah*. Kerangka ini menjadi panduan utama dalam mengkaji kesan agihan dalam membasmi kemiskinan di kalangan asnaf fakir miskin. Kajian ini turut menggunakan teori dan pendekatan melalui perspektif ekonomi dengan menggunakan indeks-indeks kemiskinan. Ini kerana kebanyakan para sarjana ekonomi melihat pendekatan kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif akan memperjelaskan ciri-ciri yang wujud pada golongan tersebut. Di dalam kajian ini golongan yang dianggap fakir dan miskin ditakrifkan sebagai penerima bantuan zakat bagi kategori asnaf fakir dan miskin dari Baitul Mal Negeri Sembilan.<sup>2</sup>

Selanjutnya pengkaji akan membuat sorotan kajian dengan membahagikan kepada tiga aspek perbincangan iaitu faktor-faktor kemiskinan, kaedah membasmi kemiskinan dan kajian empirikal kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan. Analisis kajian ini akan menghuraikan dari aspek kuantitatif dan kualitatif. Indeks kemiskinan yang digunakan iaitu kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan yang ditunjukkan kesannya oleh Pekali Gini dan Keluk Lorenz dianalisis secara kuantitatif.<sup>3</sup> Indeks-indeks kemiskinan ini akan dibuat perbandingan dua keadaan iaitu pertama; sebelum asnaf fakir dan miskin menerima agihan zakat dan kedua; selepas asnaf menerima agihan zakat. Sekiranya sebelum menerima agihan zakat nilai indeksinya lebih besar daripada nilai indeks selepas menerima agihan zakat ini menunjukkan bahawa agihan zakat berkesan dalam membasmi kemiskinan. Tetapi sekiranya nilai

---

<sup>2</sup> Huraian lanjut sila rujuk Bab 4 (4.2.13. Takrif Asnaf).

<sup>3</sup> Huraian lanjut sila rujuk Bab 3 (3.3. Kaedah Analisis Data).

indeks sebelum menerima agihan zakat lebih kecil daripada nilai selepas menerima agihan zakat ini menunjukkan bahawa agihan zakat tidak berkesan untuk membasmi kemiskinan. Seterusnya kajian akan menghuraikan keberkesanan agihan zakat dalam konteks *maqāṣid syarīah* supaya pemahaman keberkesanan agihan zakat dipertingkatkan dalam konteks yang sebenar dan lengkap.

## 2.2. Definisi Konsep.

Definisi konsep adakala dirujuk sebagai definisi yang bersandarkan teori atau telah diperkukuhkan oleh kajian-kajian lepas.<sup>4</sup> Terdapat dua kata kunci kajian ini iaitu keberkesanan dan membasmi. Kata kunci kemiskinan akan dihuraikan pada bahagian definisi kemiskinan.<sup>5</sup> Mengikut Kamus Dewan, “Keberkesanan” berasal daripada perkataan “kesan” bermaksud tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas, sesuatu samada kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain), kesudahan (hasil, akibat) daripada sesuatu. “Keberkesanan” pula bermaksud perihal berkesan (sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya).<sup>6</sup> Manakala “membasmi” pula berasal dari perkataan “basmi” yang bermaksud menghapuskan, membanteras dan memerangi.<sup>7</sup>

Dalam konteks kajian ini maksud keberkesanan agihan zakat yang akan digunakan ialah satu keadaan yang menunjukkan perubahan atau hasil, pengukurannya sama ada sedikit atau banyak, yang terhasil daripada pelaksanaan agihan zakat kepada

---

<sup>4</sup> Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Petaling Jaya:Prentice Hall Pearson Malaysia, h. 60.

<sup>5</sup> Sila rujuk Bab 2 (2.4. Definisi Kemiskinan).

<sup>6</sup> *Kamus Dewan* (2002), Edisi ke 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.663.

<sup>7</sup> *Ibid*, h.111.

asnaf fakir dan miskin dalam usaha untuk membanteras, mengurangkan atau mengecilkan indeks kemiskinan.

Dalam hal berkaitan membasmi kemiskinan kebanyakan kajian memberi satu maksud kepada pengurangan masalah atau indeks kemiskinan. Umpamanya H.Osman Rani, Chamhuri Siwar dan Ishak Shari lebih menumpukan maksud membasmi ialah mengurangkan atau mengecilkan, bukannya kepada penghapusan kemiskinan secara mutlak atau miskin sifar.<sup>8</sup>

Pengukuran “membasmi kemiskinan” yang akan digunakan dalam kajian ini ialah indeks-indeks kemiskinan seperti lazimnya digunakan oleh pengkaji-pengkaji iaitu (1) kadar kemiskinan, (2) jurang kemiskinan, (3) purata jurang kemiskinan (4) nisbah jurang pendapatan (5) ketidakseimbangan agihan pendapatan.<sup>9</sup> Indeks-indeks kemiskinan ini akan dibuat perbandingan pada dua keadaan iaitu pertama; sebelum golongan fakir dan miskin menerima agihan zakat dan kedua; selepas golongan fakir dan miskin menerima agihan zakat. Selepas pengiraan indeks dilakukan, interpretasi indeks pula akan ditakrifkan pada dua iaitu pertama; sekiranya nilai pada indeks sebelum menerima agihan zakat lebih besar daripada nilai selepas menerima agihan zakat ini menunjukkan bahawa agihan zakat berkesan dalam membasmi kemiskinan. Tetapi sekiranya nilai indeks sebelum menerima agihan zakat lebih kecil daripada nilai selepas menerima agihan zakat ini menunjukkan bahawa agihan zakat tidak berkesan untuk membasmi kemiskinan.

---

<sup>8</sup> Lihat H.Osman Rani (ed.) (1995), *Daerah-Daerah Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>9</sup> Kaedah pengiraan indeks-indeks kemiskinan ditunjukkan pada Bab 3: Metodologi Kajian.

Maksud agihan zakat menurut kajian ini pula merujuk kepada semua jenis agihan atau bantuan yang diberikan kepada asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan iaitu bantuan kewangan, persekolahan, pendidikan, perubatan dan lain-lain.<sup>10</sup> Semua jenis bantuan sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai akan diambilkira sebagai pendapatan ahli isi rumah sebelum dianalisis ke indeks kemiskinan. Dengan kata lain maksud pendapatan ahli isi rumah bagi kajian ini ialah jumlah dalam nilai ringgit bagi semua pendapatan daripada hasil kerja, (upah atau gaji), elaun, komisen, bonus, bayaran pindahan, bantuan tunai dan bukan tunai daripada MAINS dan selain MAINS. Pendapatan sebelum agihan zakat bermaksud jumlah keseluruhan semua pendapatan tanpa dicampurkan jumlah bantuan daripada MAINS. Manakala pendapatan selepas agihan zakat ialah jumlah keseluruhan semua pendapatan setelah dicampurkan dengan jumlah bantuan daripada MAINS.

### **2.3. Definisi Operasional**

Definisi operasional ialah definisi yang dijelaskan oleh penyelidik untuk menjelaskan responden, pembolehubah yang hendak diuji atau dimanipulasi dalam kajiannya.<sup>11</sup> Definisi operasional dalam kajian ini ialah perbezaan angka yang terdapat pada 5 indeks kemiskinan yang akan digunakan untuk mengukur keberkesanan agihan zakat iaitu (1) mengurangkan kadar kemiskinan, (2) mengurangkan jurang kemiskinan, (3) memperbaiki purata jurang kemiskinan, (4) mengecilkan nisbah jurang pendapatan dan (5) memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan.<sup>12</sup> Pengukuran akan dibuat dalam dua keadaan iaitu pertama, sebelum asnaf fakir dan miskin menerima agihan zakat dan kedua, selepas asnaf fakir dan miskin menerima agihan zakat. Indeks-indeks

---

<sup>10</sup> Risalah MAINS (2008) Maklumat Agihan Zakat Negeri Sembilan. MAINS.

<sup>11</sup> Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 59.

<sup>12</sup> Huraian lanjut mengenai pengiraan indeks-indeks kemiskinan sila rujuk Bab 3: Metodologi Kajian.

kemiskinan ini akan dibuat perbandingan dalam dua keadaan iaitu (1) sebelum asnaf fakir dan miskin menerima agihan zakat dan (2) selepas asnaf menerima agihan zakat. Sekiranya nilai pada indeks sebelum menerima agihan zakat lebih besar daripada nilai selepas menerima agihan zakat ini menunjukkan bahawa agihan zakat mampu memberi kesan positif dalam membasmi kemiskinan. Tetapi sekiranya nilai indeks sebelum menerima agihan zakat lebih kecil daripada nilai selepas menerima agihan zakat ini menunjukkan bahawa agihan zakat tidak memberi kesan positif untuk membasmi kemiskinan.<sup>13</sup>

Asnaf fakir dan miskin dalam kajian ini golongan berikut iaitu:

1. Penerima bantuan agihan zakat di bawah asnaf fakir dan miskin daripada pihak MAINS.
2. Mereka yang mempunyai pendapatan di bawah PGK<sup>14</sup> yang telah ditetapkan oleh EPU iaitu fakir ialah isirumah yang berpendapatan kurang RM430 sebulan dan miskin pula ialah isi rumah yang berpendapatan kurang RM720 sebulan.
3. Golongan yang berpendapatan kurang daripada had kifayah yang telah ditetapkan oleh MAINS.
4. Mempunyai ciri-ciri kemiskinan yang telah digariskan oleh World Bank dan UNDP.

---

<sup>13</sup> Kaedah pengiraan indeks-indeks kemiskinan ditunjukkan pada Bab 3: Metodologi Kajian.

<sup>14</sup> Di Malaysia kemiskinan diukur menggunakan PGK yang didefinisikan sebagai pendapatan yang diperlukan memenuhi keperluan minimum kemudahan hidup termasuk makanan, kesihatan, pakaian, pendidikan, rekreasi, pengangkutan, minyak dan sewa. Lihat Chamhuri Siwar (2003), "Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Krisis Kewangan: Isu, Masalah, Prospek dan Cabaran" dalam Nor Aini Haji Idris dan Chamhuri Siwar (penyunting), *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.51.

Fokus utama kajian ini ialah untuk melihat kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan maka indeks-indeks kemiskinan yang digunapakai oleh penyelidik-penyelidik lain seperti kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan menjadi ukuran kemiskinan dengan membandingkan di antara dua keadaan iaitu sebelum asnaf menerima agihan zakat dan selepas asnaf menerima agihan zakat. Ringkasnya jika indeks-indeks kemiskinan selepas agihan zakat lebih kecil berbanding sebelum menerima agihan zakat, ini bermakna agihan zakat berkesan dalam usaha membasmi kemiskinan di kalangan asnaf fakir dan miskin. Tetapi sekiranya nilai indeks selepas menerima agihan zakat lebih besar atau semakin bertambah ini bermakna agihan zakat tidak berkesan dalam usaha membasmi kemiskinan.

Di Malaysia, Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) meliputi 11 bidang iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, keselamatan awam dan kebudayaan dan liburan.<sup>15</sup> Agihan dan pendapatan merupakan salah satu daripada angkubah penting untuk menerangkan latarbelakang sosioekonomi isi rumah. Agihan dan pendapatan juga menjadi antara kajian dan penulisan di kalangan sarjana Islam dalam bidang ekonomi Islam. Umpamanya Joni Tamkin Borhan mengulas pandangan Ibn Qayyim berkaitan kekayaan dan kemiskinan haruslah dengan mengimbangi pemilikan harta.<sup>16</sup> Selain itu Azizi Che Seman dan Nor Aini Ali menukilkan pandangan Ibn Hazm bahawa seseorang manusia memerlukan keperluan

---

<sup>15</sup> Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) adalah satu ukuran agregat kualiti hidup yang dikira menggunakan 42 petunjuk yang mewakili 11 komponen kehidupan. Lihat Laporan Kualiti Hidup Malaysia (2004), Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Perdana Menteri. Lihat juga Laily Paim (2004), "Pendapatan Sebagai Pengukur Tahap Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah" dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahaya (eds.) (2004), *Golongan Berpendapatan Rendah Realiti dan Cabaran*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia. h.18.

<sup>16</sup> Lihat Joni Tamkin Borhan (2005), "Pemikiran Ekonomi Ibn Qayyim al-Jawziyyah", *Jurnal Usuluddin* Bil 25, h.96.

asas yang terdiri daripada makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal.<sup>17</sup> Oleh kerana pendapatan membolehkan seseorang menyara diri dan keluarga manakala agihan pendapatan pula menggambarkan keseimbangan pengagihan semula kekayaan di kalangan masyarakat kerana ianya berhubung rapat dengan masalah kemiskinan. Justeru, kajian ini akan menggunakan indeks agihan dan pendapatan sebagai salah satu daripada angkubah penting untuk mengenalpasti keberkesanan agihan zakat kerana ia juga berhubung rapat dengan masalah kemiskinan sama ada dari perspektif ekonomi konvensional mahupun ekonomi Islam.

Kajian mengenai kesan agihan zakat amat luas dan berterusan kerana ia meliputi kesan dari aspek monetari (material, kewangan atau fizikal) dan juga non monetari (semangat, kemahiran, ilmu dan motivasi). Manakala aspek non monetari pula ada sarjana Islam membahagikan kepada aspek non monetari luaran dan non monetari dalaman atau kerohanian.<sup>18</sup>

Kaedah untuk membasmi kemiskinan juga tidak memadai jika hanya diberi bantuan wang atau kebendaan semata-mata. Yūsuf al-Qardāwī dan Abū A'la al-Maudūdi yang menyentuh hal kemiskinan dari perspektif sistem ekonomi Islam menyatakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan adalah seperti bekerja, bersedekah, mewariskan harta, berzakat, berjimat dan berhemat serta memberi bantuan

---

<sup>17</sup> Lihat Azizi Che Seman dan Nor Aini Ali (2004), "Economic Thoughts of Redistribution of Income and Wealth. A Comparative Analysis", *Jurnal Syariah* 12:2, h.39.

<sup>18</sup> Lihat Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), "Pengurusan Kemiskinan" dalam Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (eds.), *Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar, Islamic Development Management Project (IDMP), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang: Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Islamic Development Management Project (IDMP), Universiti Sains Malaysia.* [www.scribd.com/doc/7632886/Pengurusan-Kemiskinan](http://www.scribd.com/doc/7632886/Pengurusan-Kemiskinan)



kepada sesiapa yang lemah.<sup>19</sup> Pandangan sarjana ekonomi seperti Chamhuri Siwar dan Nor Aini Haji Idris<sup>20</sup> turut memperakui bahawa pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan dan dasar makro merupakan prasyarat untuk membasmi kemiskinan.

Kajian ini akan menumpukan kesan agihan zakat dari salah satu aspek tersebut iaitu aspek monetari (pendapatan atau kewangan) kerana mempunyai ciri-ciri persamaan dalam konteks agihan zakat masa kini. Alasan-alasan mengapa aspek monetari ditumpukan dalam kajian ini ialah:

1. Definisi fakir dan miskin yang diberi oleh kebanyakan ulamak merujuk kepada aspek kekurangan kemampuan monetari seperti Abū Ja‘far al-Tabari, al-Qurtubi, Abū Hanifah dan al-Syāfi‘e.<sup>21</sup>
2. *Niṣāb* iaitu ukuran minimum yang membolehkan seseorang pemilik harta diwajibkan mengeluarkan zakat. Pengukuran aspek kekayaan dalam bentuk harta, hasil pendapatan dan kewangan menjadi syarat bagi seseorang dibebankan dengan tanggungjawab mengeluarkan zakat dan menjadi kesalahan sekiranya enggan mengeluarkan zakat.
3. Ukuran *haddul kifāyah* iaitu ukuran garisan kecukupan seseorang dalam memenuhi keperluan asasnya iaitu makanan, tempat tinggal, pakaian, kesihatan dan pendidikan. Keperluan asas akan dikira dengan menggunakan nilai ringgit

---

<sup>19</sup> Darusman (t.t.), “Pandangan Islam Terhadap Kemiskinan, Analisis Pemikiran Abdul A’la al-Maududi dan Yusuf al-Qardawi”, <http://www.scribd.com/doc/48076855/093-06pandanganislam>. 12 Oktober 2009.

<sup>20</sup> Lihat Nor Aini Haji Idris dan Chamhuri Siwar (2003), “Bab Pengenalan dan Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Krisis Kewangan: Isu, Masalah Prospek dan Cabaran”, dalam Nor Aini Haji Idris dan Chamhuri Siwar (penyunting), *op.cit.*, h. 1 dan 42.

<sup>21</sup> Lihat huraian lanjut Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *op.cit.*, hh. 407-414.

dan amalan oleh MAINS menggunakan ukuran bagi menentukan sama ada mereka layak menerima zakat atau tidak.

4. Islam menyarankan agar umatnya sentiasa bekerja dengan tujuan beribadat kepada Allah SWT. Melalui pekerjaan manusia akan mempunyai hasil pendapatan. Dengan hasil pendapatan itulah maka keperluan asas dapat dipenuhi, keperluan menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dapat disempurnakan malahan memberi kelayakan seseorang untuk mengeluarkan zakat. Dalam konteks agihan zakat, peningkatan pembayar zakat dan jumlah kutipan akan memberi impak dalam perbelanjaan zakat terhadap lapan asnaf. Secara ringkasnya, hasil pendapatan akan meningkatkan jumlah kutipan zakat.
5. *Maqāsid Syarīah* juga mengambilkira '*urf*' yang bermaksud adat, sesuatu kebiasaan dan amalan setempat yang diterima umum, ianya tidak bertentangan dengan syarak, boleh digunakan sebagai asas penetapan hukum kerana mendatangkan kebaikan, memenuhi kemaslahatan manusia dan seterusnya mempunyai sifat-sifat syariah yang bersesuaian dengan setiap masa, zaman dan tempat.<sup>22</sup>

Realiti di Malaysia pengukuran kemiskinan dibuat dengan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu ukuran pendapatan isi rumah untuk menentukan seseorang atau isi rumah tersebut dianggap miskin atau kaya. Umpamanya PGK yang telah ditetapkan oleh EPU iaitu miskin tegar ialah isi rumah yang berpendapatan kurang RM430 dan miskin pula ialah isi rumah yang berpendapatan

---

<sup>22</sup> Mohd Anuar Ramli (2006), "Instrumen 'Urf dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum di Malaysia", *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 17, hh. 253-289.  
[http://malaya.academia.edu/MOHDANUARRAMLI/Papers/190219/INSTRUMEN\\_URF\\_DAN\\_ADAT\\_MELAYU\\_SEBAGAI\\_ASAS\\_PENETAPAN\\_HUKUM\\_SEMASA\\_DI\\_MALAYSIA](http://malaya.academia.edu/MOHDANUARRAMLI/Papers/190219/INSTRUMEN_URF_DAN_ADAT_MELAYU_SEBAGAI_ASAS_PENETAPAN_HUKUM_SEMASA_DI_MALAYSIA). 20 Oktober 2010.

kurang RM720.<sup>23</sup> Namun begitu penggunaan PGK kadangkala tidak memadai untuk mengukur kadar kemiskinan yang berlaku. Jadi konsep kualiti hidup diambilkira bagi melengkapi pengukuran dan analisis fenomena kemiskinan di Malaysia.<sup>24</sup> Selain ukuran kemiskinan mutlak, pendekatan ukuran relatif juga digunakan untuk melihat agihan pendapatan di kalangan isi rumah. Pengukuran yang biasa digunakan ialah ketidakseimbangan agihan pendapatan, keluk Lorenz, nisbah Gini<sup>25</sup>, varians, pekali variasi, sisihan piawai dan sebagainya.<sup>26</sup> Selain itu penggunaan dari pandangan Mazhab Syafie juga mempengaruhi pelaksanaan agihan zakat sepertimana yang dilakukan oleh MAINS seperti takrif fakir miskin, kadar bayaran zakat, penetapan *niṣāb* dan pengiraan *haddul kifāyah*.

Apabila membicarakan hal ehwal keperluan asas manusia, ia tidak dapat dipisahkan daripada dua aspek iaitu aspek monetari iaitu pendapatan atau kewangan dan juga aspek non monetari iaitu kerohanian atau spiritual. Aspek monetari sememangnya penting dan menjadi keperluan agar manusia mampu melaksanakan ibadat zakat dengan sempurna. Namun Islam melihat keperluan asas manusia bukan sekadar untuk memenuhi aspek monetari semata-mata. Manusia juga memerlukan aspek kerohanian atau penghayatan dan pegangan agama Islam dalam merealisasikan Islam sebagai al-Din, memahami hakikat sebenar menjaga hubungan masyarakat, mengurangkan jurang

---

<sup>23</sup> Takrif kemiskinan oleh Unit Perancang Ekonomi berdasarkan PGK ialah: PGK terdiri daripada dua komponen iaitu PGK Makanan dan PGK Bukan Makanan. PGK ditentukan secara berasingan bagi setiap isi rumah dalam Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah mengikut saiz isi rumah, komposisi demografi dan lokasi (negeri dan strata). Di Negeri Sembilan PGK ialah RM720. Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGKnya, bermakna isi rumah tersebut kekurangan sumber bagi memenuhi keperluan asas setiap ahlinya. Manakala isi rumah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK Makanan.

<sup>24</sup> Harun Hashim (1991), "Konsep dan Pengukuran Kemiskinan", (Kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Mengenai Kemiskinan. Kementerian Pertanian Malaysia. Langkawi 13-15 Mei 1991).

<sup>25</sup> Julie A. Litchfield (1999), "Inequality: Methods and Tools March", <http://www.worldbank.org/poverty/inequal/index.htm>. 8 Ogos 2009.

<sup>26</sup> Chamhuri Siwar (1995), "Latar Belakang Kajian", dalam H.Osman-Rani (Editor) *Daerah-Daerah Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.8.

antara golongan kaya dengan miskin dalam konteks syariah Islam. Tanpa unsur kerohanian maka manusia tidak akan berupaya menyelesaikan masalah sosial dengan berkesan, umpamanya masalah kemiskinan, kemunduran dan ketidakadilan sosioekonomi. Kegagalan dalam menghayati dan memahami falsafah dan sistem Islam atau *maqāsid syarīah* akan menyebabkan masalah tersebut terus berlaku malahan semakin meluaskan jurang antara kaya dan miskin, meningkatkan kadar kemiskinan.

Disebabkan ruang lingkup kesan agihan zakat begitu luas dan kompleks, kajian ini akan menumpukan keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan dari aspek monetari sahaja agar dapat memfokuskan skop dan objektif kajian seiring dengan salah satu bidang dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia iaitu pengagihan dan pendapatan. Namun begitu kita tidak boleh menafikan bahawa Islam sebagai ajaran yang bersifat syumul dan lengkap kajian ini juga menilai kesan agihan zakat dari aspek non monetari seperti kemahiran, kekuatan, kesihatan, melahirkan pelbagai sifat terpuji seperti zuhud, qana'ah, warak, adil dan lain-lain juga perlu seiring agar kemiskinan dapat dibasmi seperti mana yang dikehendaki dalam Islam. Sedangkan dalam sistem ekonomi Islam aspek monetari juga mempunyai sumber yang luas selain zakat seperti sedekah, wakaf, wasiat, qardul hasan dan mudharabah.<sup>27</sup> Dalam hal demikian menurut pandangan pengkaji aspek ini memerlukan kajian lanjutan lain agar menjadi pelengkap kepada kajian ini yang menumpukan satu aspek sahaja iaitu aspek monetari bersama agihan dan pendapatan. Oleh yang demikian, meskipun kajian ini menggunakan 5 indeks kemiskinan sebagaimana yang telah dihuraikan tetapi kesan agihan zakat dalam

---

<sup>27</sup> Mekanisme pengurusan kemiskinan material secara Islam dijelaskan oleh Muhammad Syukri Salleh yang membahagikan kepada 3 kaedah iaitu kaedah wajib yang bersumberkan zakat, al-fay', al-ghanimah dan rikaz. Kaedah Wajib Aradhi pula datang dari sumber qardul hasan, mudhorobah, waqaf, wasiat dan faraid. Manakala kaedah Sunat mempunyai satu sumber sahaja iaitu sedekah. Lihat Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), *op.cit.*,

konteks *maqāṣid syarīah* tidak boleh dipisahkan daripada kajian ini supaya dapat memahami permasalahan kemiskinan dengan lebih jelas.

Berdasarkan definisi konsep dan definisi operasional pengkaji merumuskan keberkesanan agihan zakat ialah merujuk kepada usaha-usaha agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAINS untuk mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan. Dalam kajian ini juga definisi membasmi kemiskinan bukanlah bermaksud usaha membasmi kemiskinan secara total atau miskin sifar kerana untuk melihat keberkesanannya yang menyeluruh maka kita perlu juga melihat keseluruhan sistem dan institusi yang terdapat dalam Islam. Sekiranya kita mencontohi kejayaan usaha membasmi kemiskinan, sama ada kemiskinan material mahupun kemiskinan jiwa seperti yang pernah dilakukan oleh Khalifah ‘Umar bin Abd Aziz maka agihan zakat akan berjaya membasmi kemiskinan secara total.

Dengan erti kata lain kesan agihan zakat untuk mengatasi masalah kemiskinan perlu dikaitkan dengan sumber-sumber harta yang lain seperti wakaf, cukai, wasiat, faraid dan lain-lain. Sekiranya kita tidak mengaitkan semua sumber tersebut kita akan menyalahertikan permasalahan sebenar dan tentunya usaha membasmi kemiskinan tidak dapat diusahakan dengan sebaik-baiknya. Agihan zakat juga tidak menghasilkan kesannya jika terdapat keadaan-keadaan berikut sebagaimana yang dinyatakan oleh Yūsuf al-Qarḍāwī iaitu jika ia diamalkan pada masyarakat yang tidak solat, sentiasa

mengikuti hawa nafsu, membiarkan kemungkarannya, meninggalkan asas syura dan membiarkan diri dianiaya oleh pemerintah yang zalim.<sup>28</sup>

Oleh yang demikian pengkaji berpendapat oleh kerana sumber dana zakat yang dikutip di negara ini tidak sebanyak berbanding sumber-sumber percukaian negara, manakala sumber-sumber harta diuruskan di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan, maka kita tidak boleh berharap sepenuhnya pada kesan agihan zakat. Ini bermakna agihan zakat tidak dapat berdiri dengan sendiri tanpa disokong oleh sistem lain sebagaimana yang dijelaskan oleh Yūsuf al-Qardāwī, Muhammad Syukri Salleh, dan Mohd. Ma'sum Billah.<sup>29</sup> Apatahlagi isu-isu kemiskinan yang tiada bersempadan dari aspek geografi, masa dan tempat menjadikan masalah ini terus wujud dari masa ke semasa dan kaedah-kaedah mengatasinya turut dipertingkatkan untuk menjamin kehidupan manusia yang lebih baik. Agihan zakat juga tidak tertumpu kepada dua asnaf iaitu asnaf fakir dan miskin semata-mata kerana masih terdapat enam asnaf lagi yang berhak menerima agihan zakat dan pemerintah wajib menyalurkan agihan tersebut kerana Allah SWT telah memberikan hak harta zakat kepada lapan asnaf.

#### **2.4 Definisi Kemiskinan.**

Mendefinisikan kemiskinan bukan suatu perkara mudah<sup>30</sup>, apatah lagi untuk mengukurnya.<sup>31</sup> Aspek kemiskinan adalah sesuatu yang mudah dilihat tapi agak sukar

---

<sup>28</sup> Lihat Yūsuf al-Qardāwī (2001), *Institusi Zakat Masa Kini Bagaimana Menjayakannya*, Arsil Ibrahim (terj.) Selangor: Pusat Zakat Selangor. hh. 75-84.

<sup>29</sup> Mekanisme membasmi kemiskinan dalam Islam haruslah seiring dari aspek material dan bukan material. Sistem agihan zakat juga perlu digerakkan bersama dengan sistem-sistem kewangan lain agar member kesan dalam membasmi kemiskinan menurut perspektif Islam. Lihat Yūsuf al-Qardāwī (2001), *Institusi Zakat Masa Kini Bagaimana Menjayakannya*, Arsil Ibrahim (terj.) Selangor: Pusat Zakat Selangor.

<sup>30</sup> Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad, (2000), *ibid.*, h.2. Lihat juga Mohd. Ma'sum Billah (2009), *ibid.*,

<sup>31</sup> H.Osman Rani (editor) (1995), *op.cit.*, h.7.

untuk didefinisikan.<sup>32</sup> Hassan Haji Ali pula menyatakan definisi kemiskinan yang tepat untuk merangkumi semua aspek kehidupan sukar dibentuk.<sup>33</sup> Ismail Sirageldin menjelaskan bahawa kemiskinan ialah fenomena sosioekonomi yang kompleks, merujuk kepada kekurangan pertumbuhan dan ketidakseimbangan agihan.<sup>34</sup> Chamhuri Siwar pula menyatakan kemiskinan merangkumi petunjuk ekonomi dan bukan ekonomi.<sup>35</sup> Menurutnya lagi dari sudut ekonomi, kemiskinan ditakrifkan sebagai keadaan kekurangan daripada pendapatan minimum yang diperlukan dengan menggunakan ukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Ukuran ini merujuk kepada kemiskinan mutlak yang memisahkan antara golongan miskin dengan bukan miskin. Secara umum, kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kekurangan daripada PGK. Terdapat juga percubaan untuk mentakrifkan golongan fakir sebagai golongan yang mempunyai pendapatan separuh PGK. Dari sudut yang lebih ekstrem, kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kebuluran dan kelaparan.<sup>36</sup>

Terdapat dua sebab yang menjadikan keadaan sedemikian. Pertama, definisi kemiskinan berbeza mengikut disiplin. Kedua, ia berbeza-beza mengikut ruang geografi, masyarakat dan masa.<sup>37</sup> Menurut H.Osman Rani adalah mustahil untuk kita mengerti apakah kemiskinan sebenarnya dan mungkin cara paling baik ialah dengan mengalami kemiskinan itu sendiri.<sup>38</sup>

---

<sup>32</sup> Poverty And Inequality Analysis.

[http://web.worldbank.org/WBSITE/EXTERNAL/TOPICS/EXTPOVERTY/0, contentMDK:22569747~pagePK:148956~piPK:216618~theSitePK:336992,00.html](http://web.worldbank.org/WBSITE/EXTERNAL/TOPICS/EXTPOVERTY/0,contentMDK:22569747~pagePK:148956~piPK:216618~theSitePK:336992,00.html) 3 Mac 2008.

<sup>33</sup> Hasan Haji Ali (2003), "Pertumbuhan, Agihan pendapatan dan Kemiskinan", dalam Rahmah Ismail (penyunting), *Ekonomi Pembangunan, Isu Sumber Manusia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.241.

<sup>34</sup> Ismail Sirageldin (2000), *op.cit.*, h.1.

<sup>35</sup> Chamhuri Siwar (1995), "Latar Belakang Kajian", dalam H.Osman-Rani (Editor), *op.cit.*, h.11.

<sup>36</sup> *Ibid.*, h.8

<sup>37</sup> Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), *op.cit.*,

<sup>38</sup> H.Osman Rani (editor) (1995), *op.cit.*, h.viii.

Menurut Kamus Dewan perkataan “miskin” bermaksud tidak berharta benda, serba kekurangan, melarat dan papa. Manakala “kemiskinan” pula bermaksud perihal miskin, kekurangan dan kepapaan.<sup>39</sup> United Nations Development Programme (UNDP) menyatakan definisi kemiskinan mutlak ialah:

*Absolute poverty was defined in the following terms to differentiate it from overall poverty: Absolute poverty is a condition characterized by severe deprivation of basic human needs, including food, safe drinking water, sanitation facilities, health, shelter, education and information.*<sup>40</sup>

Takrif kemiskinan oleh UNDP pula ialah:

*Standard definitions of poverty usually focus on the lack of income or economic deprivation. But poverty also encompasses the lack of access to an education, basic healthcare or clean drinking water, or to influence political processes and other factors that matter to people.*<sup>41</sup>

Menurut World Bank takrif kemiskinan mempunyai pelbagai dimensi yang merujuk kepada aspek ketidakupayaan atau kekurangan.

*Poverty is hunger. Poverty is lack of shelter. Poverty is being sick and not being able to see a doctor. Poverty is not having access to school and not knowing how to read. Poverty is not having a job, is fear for the future, living one day at a time. Poverty is losing a child to illness brought about by unclean water. Poverty is powerlessness, lack of representation and freedom.*<sup>42</sup>

---

<sup>39</sup> Lihat *Kamus Dewan, op.cit.*, h.893. *The World book Encyclopedia* (2001), Chicago North Michigan. World book. Inc. Vol. 15, h.273. *Encyclopedia Britannica* (1998), number 9, h.652. Takrif miskin atau *poverty* daripada sumber tersebut mempunyai persamaannya iaitu dari sudut kekurangan dalam bentuk wang dan kebendaan.

<sup>40</sup> United Nations Development Programme Evaluation Office, Monitoring Poverty, [www.undp.org/povertycentre/povdist.htm](http://www.undp.org/povertycentre/povdist.htm). 20 Januari 2009.

<sup>41</sup> *Ibid.*, Focus Area [http://www.undp.org/poverty/focus\\_intro.shtml](http://www.undp.org/poverty/focus_intro.shtml) 14 Ogos 2009. Lihat definisi *Poverty* dalam *Encyclopaedia Britannica* (1998), no.9, h. 652. Lihat definisi *poverty* yang mempunyai maksud yang serupa dalam *The World Book Encyclopaedia* (2001), Vol 15. Chicago North Michigan h.723.

<sup>42</sup> World Bank Poverty Analysis-Overview <http://web.worldbank.org.html>. 9 Ogos 2009.



Berdasarkan huraian di atas pengkaji merumuskan bahawa kemiskinan ialah suatu keadaan seseorang yang sedang menghadapi segala kekurangan, kesusahan dan ketidakcapaian dari aspek pendapatan, perbelanjaan mahupun sebarang keperluan asas sebagai manusia yang bersesuaian dengan masa, zaman dan tempat.

## **2.5. Ciri-Ciri Kemiskinan.**

Setelah mengenalpasti definisi kemiskinan maka ciri-ciri golongan yang terlibat dalam kemiskinan seperti yang dinyatakan oleh Chamhuri Siwar adalah seperti berikut:

1. Golongan yang tidak mempunyai keupayaan pendapatan.
2. Golongan yang tidak mempunyai kesempatan untuk menggunakan sumber kuasa sosial (kuasa mengemukakan pendapat, kuasa politik, pemilikan alat pengeluaran, pendidikan dan sebagainya.)
3. Golongan yang tidak menikmati keperluan asas (perlindungan, pemakanan, pendidikan asas, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya) yang mencukupi mengikut ukuran sara hidup sesebuah masyarakat (bandar dan luar bandar).<sup>43</sup>

## **2.6. Faktor-Faktor Kemiskinan.**

Ma'rof Redzuan menyatakan kajian-kajian ke atas taburan pendapatan berdasarkan tiga sebab utama iaitu mengenal pasti kewujudannya, menentukan faktor-faktor penyebab dan mengenal pasti cara-cara mengatasinya. Sebarang kajian yang hanya melaporkan kedudukan ketaksamaan pendapatan semasa tanpa menjelaskan faktor-faktornya

---

<sup>43</sup> Chamhuri Siwar (1995), *op.cit.*, hh.8-9.

mempunyai kegunaan yang sempit.<sup>44</sup> Disebabkan itu kajian-kajian mengenai kemiskinan kebanyakannya merangkumkan data-data empirikal bersama dengan faktor-faktor kemiskinan yang lebih kukuh.

Menurut Chamhuri Siwar, fenomena kemiskinan di Malaysia berkait dengan sektor ekonomi, lokasi geografi dan faktor etnik. Kesan program-program membasmi kemiskinan terhadap golongan miskin dalam sesebuah subsektor adalah kecil dan terbatas. Antara punca yang menyumbang kepada situasi tersebut ialah ialah pertindihan fungsi antara agensi-agensi yang terlibat dan juga pergeseran dasar-dasar kerajaan. Akhirnya wujudlah kelompangan yang merujuk kepada kelemahan, kebocoran dari segi perbelanjaan. Maka lebih parah lagi apabila agensi-agensi berkaitan tidak dapat mengenalpasti dengan jelas golongan sasaran mengenai siapa, di mana dan bilangan sebenar mereka.<sup>45</sup>

Selanjutnya Chamhuri Siwar menjelaskan terdapat tiga paradigma konsep dan teori kemiskinan:

1. Teori ekonomi yang berkait dengan konsep kemiskinan mutlak dan relatif
2. Teori bukan ekonomi seperti sosiologi, antropologi, psikologi, pendidikan dan lain-lain yang berkait dengan kemiskinan dan pendapatan rendah.
3. Konsep dan teori ekonomi dan bukan ekonomi yang berkait dengan punca, kesan dan ciri-ciri kemiskinan.<sup>46</sup>

---

<sup>44</sup> Ma'rof Redzuan (2004), "Golongan Berpendapatan Rendah: Konsep dan Pendekatan", dalam Mohd Amin Othman dan Nurizan Yahya (eds.) *op.cit.*, h.1.

<sup>45</sup> Chamhuri Siwar (1995), *op.cit.*, hh.2-5.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h.7

Menurut Hasan Haji Ali, kemiskinan mutlak disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu pendapatan per kapita rendah dan agihan pendapatan tidak setara. Justeru bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negara, strategi kerajaan sebagai pembuat dasar haruslah dapat mencapai sasaran golongan miskin tanpa ada sesiapa pun yang terpinggir.<sup>47</sup>

## **2.7. Indeks Menentukan Kemiskinan.**

Secara praktisnya menentukan sesebuah rumah itu miskin atau tidak miskin bukanlah satu proses yang mudah. World Bank sebagai contohnya menyatakan bahawa metod yang seringkali digunakan untuk mengukur kemiskinan ialah berasaskan taraf pendapatan atau perbelanjaan. Seseorang yang dianggap miskin sekiranya taraf pendapatan atau perbelanjaan berada kurang daripada keperluan asas yang minimum. Keperluan asas minimum inilah dinamakan sebagai “garis kemiskinan”.<sup>48</sup> Indikator-indikator kemiskinan mengikut penetapan World Bank mempunyai 4 iaitu: (1) taraf pendapatan dan perbelanjaan, (2) taraf sosial, (3) taraf keselesaan dan (4) taraf sosiopolitik.<sup>49</sup>

### **2.7.1. Kadar Kemiskinan.**

Terdapat pelbagai indeks kemiskinan digunakan antaranya kadar kemiskinan iaitu  $(H = q/n)$ .<sup>50</sup> Namun ada pengkaji misalnya A.H. Roslan yang menyatakan dengan hanya mengira kadar kemiskinan juga terdapat kelemahan tanpa disertakan indeks lain seperti

<sup>47</sup> Hasan Haji Ali (2003), *op.cit.*,h.244.

<sup>48</sup> Kamarudin Muhamed dan Shahrman Haron (2011), “Poverty Mapping: An Effective Approach in Determining The Poor Area-Case Study of Johor”, *Journal Of The Department of Statistics Malaysia*, Volume 1, 2011, hh. 43-60.

<sup>49</sup> World Bank Poverty Analysis-Overview <http://web.worldbank.org.html> 9 Ogos 2009.


<sup>50</sup> Lihat Martin Ravallion (1992), “Poverty Comparisons, A Guide to Concepts and Methods”, dalam *Living Standards Measurement Study Working Paper no.88*, World Bank. Poverty Measures, World Bank <http://web.worldbank.org>

agihan pendapatan dan nisbah jurang pendapatan. Indeks tersebut tidak lengkap dan kurang meyakinkan tanpa mengambilkira indeks-indeks kebajikan yang sensitif kepada agihan pendapatan di kalangan isi rumah miskin.<sup>51</sup>

### 2.7.2. Pendapatan Garis Kemiskinan Sebagai Penentu Kemiskinan.

Isi rumah yang miskin digolongkan ke dalam golongan berpendapatan rendah, namun begitu mereka yang berpendapatan rendah tidak semestinya miskin. Di Malaysia, pendapatan garis kemiskinan diukur berdasarkan kepada pendapatan Ringgit Malaysia sebulan bagi setiap isi rumah.<sup>52</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia menjalankan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Keperluan Asas (PPIR/KA). Ia dilakukan dengan kekerapan dua kali dalam tempoh lima tahun. Penyiasatan telah dilaksanakan sejak tahun 1973 dan terakhir pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, berdasarkan situasi ekonomi semasa dan permintaan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, penyiasatan PPIR/KA dijalankan pada tahun 2008 dengan menggunakan saiz sampel yang lebih kecil.<sup>53</sup> Rajah 2.2. di bawah menunjukkan penentu kemiskinan dengan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan di Malaysia.

Rajah 2.2: Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan di Malaysia.



Sumber: Diolah daripada Kamarudin Muhamed dan Shahrman Haron.

<sup>51</sup> A.H. Roslan (2004), "Measuring Poverty In Malaysia: Applications of Distributive-Sensitive Poverty Indices" *Malaysia Management Journal*, Vol. 8 (1) h. 25.

<sup>52</sup> Ma'rof Redzuan (2004), *op.cit.*, hh.4-6.

<sup>53</sup> Kamarudin Muhamed dan Shahrman Haron (2011), *op.cit.*,

Rajah 2.2 menunjukkan Development Co-operation Directorate bagi OECD (OECD 2001) menetapkan lima faktor utama yang membebaskan seseorang daripada lingkaran kemiskinan<sup>54</sup> iaitu keupayaan ekonomi, keupayaan human, keupayaan sosiopolitik, keupayaan budaya dan keupayaan perlindungan. Setelah mengenalpasti 5 keupayaan tersebut maka penentuan magnitud kemiskinan memerlukan 3 elemen berikut<sup>55</sup>:

1. Memilih dimensi dan indikator yang bersesuaian terutamanya yang berkaitan dengan kesejahteraan hidup.
2. Membentuk garisan kemiskinan yang memberikan satu garis pemisah yang jelas antara isirumah yang miskin dengan yang tidak miskin.
3. Menentukan indikator pengukuran kemiskinan yang bersesuaian untuk diterbitkan dalam laporan yang berkaitan kemiskinan.

Namun begitu penggunaan PGK kadangkala tidak memadai untuk mengukur kadar kemiskinan yang berlaku. Jadi konsep kualiti hidup diambilkira bagi melengkapi pengukuran dan analisis fenomena kemiskinan di Malaysia.<sup>56</sup> Selain itu pendekatan ukuran relatif juga digunakan untuk melihat agihan pendapatan di kalangan isirumah. Pengukuran yang biasa digunakan ialah Keluk Lorenz, nisbah Gini<sup>57</sup>, varians, pekali variasi, sisihan piawai dan sebagainya<sup>58</sup>.

---

<sup>54</sup> Malaysia: Measuring and Monitoring Poverty and Inequality, United Nations Development Programme (UNDP) (2007), <http://www.undp.org.my/resources/malaysia-facts-and-figures> 12 Mac 2008.

<sup>55</sup> Kamarudin Muhamed dan Shahrizan Haron (2011), *op.cit.*,

<sup>56</sup> Harun Hashim (1991), *op.cit.*,

<sup>57</sup> Julie A. Litchfield (1999), "Inequality: Methods and Tools March", <http://www.worldbank.org/poverty/inequal/index.htm> 8 Ogos 2009. *Gini Coefficient* ialah luas Keluk Lorenz dengan garisan seimbang agihan pendapatan. Lihat huraian lanjut pada Bab 3 Metodologi Kajian.

<sup>58</sup> Chamhuri Siwar (1995), *op.cit.*, h.8

Dalam masalah pembangunan sesebuah negara yang sedang membangun, Hassan Haji Ali menyatakan kemiskinan dan agihan pendapatan merupakan kunci kepada kewujudan situasi tersebut. Tambahan pula kepesatan kadar pertumbuhan ekonomi tidak banyak memberi faedah kepada golongan miskin. Ini akan mewujudkan jurang ketidakseimbangan agihan pendapatan. Meskipun agihan mempunyai dimensi yang lebih luas seperti ketaksetaraan agihan kuasa, penghormatan, kuasa, pengiktirafan, kepuasan kerja dan lain-lain namun semua komponen sama ada yang berbentuk ekonomi atau bukan ekonomi saling pengaruh mempengaruhi.<sup>59</sup>

Kayu ukur kepada jurang agihan pendapatan digunakan oleh ahli ekonomi dan statistik dengan menyusun semua individu atau isi rumah menurut susunan jumlah pendapatan bermula daripada pendapatan terendah ke yang terbesar yang diterima oleh setiap individu atau isi rumah. Agihan pendapatan ini dibahagikan kepada kuintil (lima kumpulan) atau Desil (sepuluh kumpulan). Setiap kumpulan dianggap sebagai satu unit dan pendapatan individu atau isirumah dijumlahkan untuk mewakili pendapatan yang diterima dalam kumpulan berkenaan. Jumlah pendapatan setiap kumpulan ini dibahagikan dengan jumlah keseluruhan pendapatan keseluruhan masyarakat untuk mengetahui bahagian yang diterima oleh kumpulan masing-masing.<sup>60</sup>

Selain dua indeks di atas (kadar kemiskinan dan agihan kuintil atau desil) terdapat satu lagi metod yang sering digunakan ialah dengan menggunakan Keluk Lorenz. Kelok Lorenz menghubungkan peratus penduduk terkumpul pada paksi melintang dan peratus pendapatan terkumpul pada paksi menegak. Keluk Lorenz yang menghampiri garisan pepenjuru menggambarkan agihan pendapatan yang lebih

---

<sup>59</sup> Hasan Haji Ali (2003), *op.cit.*,h.232.

<sup>60</sup> *Ibid.*,h.234.

setara jika dibandingkan kelok Lorenz yang lebih jauh dari garis pepenjurur.<sup>61</sup>Ini bermakna semakin besar ruang antara Kelok Lorenz dengan garis 45°, semakin besar ketaksetaraan agihan ekonomi.

Selain daripada 3 indeks di atas, ukuran yang popular untuk mengukur agihan pendapatan ialah dengan menggunakan Pekali Gini iaitu nisbah yang dikenali sebagai nisbah penumpuan Gini. Nilainya dikira dengan membahagikan kawasan penumpuan pendapatan (kawasan yang dilingkungi oleh garis kesetaraan sempurna dan Kelok Lorenz. Nilai Pekali Gini adalah antara 0 hingga 1. Jika Kelok Lorenz tepat di atas garisan kesetaraan sempurna, ia bernilai 0 dan keadaan ini menunjukkan agihan pendapatan yang setara sempurna. Ringkasnya, jika nilai Pekali Gini adalah 1, ia menunjukkan agihan tidak setara sempurna. Jika dibandingkan dua kes, dapat disimpulkan bahawa semakin hampir nilai Pekali Gini dengan 0, semakin ketara agihan pendapatan berbanding dengan Pekali Gini yang lebih jauh dari 0. Sebaliknya, jika nilai Pekali Gini hampir 1, maka ini menunjukkan agihan pendapatan lebih tidak setara berbanding dengan nilai Pekali Gini yang hampir dengan 0. Menurut Hassan Haji Ali lagi, di kalangan negara-negara yang tingkat agihan pendapatannya sangat tidak setara, nilai Pekali Gini adalah antara 0.50 hingga 0.70. Sebaliknya di negara-negara yang tingkat pendapatannya lebih setara, nilai Pekali Gini berada antara 0.20 hingga 0.35. Nilai Pekali Gini antara 0.35 hingga 0.50 boleh dianggap sebagai tingkat agihan pendapatan yang agak sederhana. Pekali Gini juga digunakan untuk mengukur pencapaian sesuatu dasar atau membuat perbandingan sebelum dan selepas dasar berkenaan dilaksanakan.<sup>62</sup>

---

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 238.

<sup>62</sup> *Ibid.*, h. 240. Lihat juga Julie A. Litchfield (1999), *op.cit.*,

Kajian ini akan menggunakan maklumat taraf pendapatan dan perbelanjaan yang diperolehi melalui kaji selidik terhadap sampel mengenai corak perbelanjaan dan sumber pendapatan isi rumah. Menurut Chamhuri Siwar dengan menggunakan metod pengumpulan data ini akan meningkatkan keupayaan golongan yang terbabit, dapat mengetahui item-item keperluan asas dan memberi gambaran tepat mengenai kemiskinan.<sup>63</sup>

Berdasarkan huraian di atas, indeks kemiskinan mempunyai pelbagai metod pengiraan. Namun lazimnya terdapat 4 kaedah untuk mengukur kemiskinan iaitu (1) kadar kemiskinan dan jurang kemiskinan<sup>64</sup>, (2) agihan pendapatan, (3) Kelok Lorenz dan (4) Pekali Gini. Justeru bagi mencapai objektif kajian ini pengkaji telah memilih untuk menggunakan empat metodologi di atas untuk menguji kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan di Negeri Sembilan. Pada setiap indeks tersebut pengkaji akan membuat perbandingan pada dua keadaan iaitu; (1) sebelum responden menerima agihan zakat dan (2) selepas responden menerima agihan zakat. Melalui kaedah tersebut maka kajian ini akan mendapatkan jawapan yang lebih tepat dengan pembuktian empirikal.

## **2.8. Dasar-Dasar Kerajaan Dalam Usaha Untuk Membasmi Kemiskinan.**

Masalah kemiskinan dianggap sebagai penyakit sosial paling dahsyat dan menjadi musuh utama kepada rancangan pembangunan negara.<sup>65</sup> Rancangan membasmi kemiskinan menjadi matlamat utama pihak kerajaan bagi kebanyakan negara sedang

---

<sup>63</sup> Chamhuri Siwar (1995), *op.cit.*, h.12.

<sup>64</sup> Indeks yang popular dan seringkali digunakan pengkaji untuk mengukur kemiskinan. Lihat A.H. Roslan (2004), *op.cit.*, h. 27

<sup>65</sup> Hairi Abdullah (penyunting) (1984), *Kemiskinan dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.16.



membangun.<sup>66</sup> Di Malaysia dasar-dasar kerajaan yang membabitkan pembasmian kemiskinan bermula dari Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) hinggalah kepada Misi Nasional (2006-2020) dan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010) yang bertujuan membangunkan ekonomi negara dengan pendekatan dan strategi yang menyeluruh.<sup>67</sup>

Strategi membasmi kemiskinan walaupun dilihat mempunyai peruntukan yang besar tetapi kesannya adalah terbatas. Ini disebabkan pembasmian ini juga disalurkan kepada perbelanjaan infrastruktur, perbelanjaan mengurus dan belanja projek. Bagi mengatasi kemiskinan maka pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan merupakan satu dasar penting agenda pembangunan Malaysia. Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1971-1990, adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 16.7 peratus pada tahun 1990. Seterusnya, di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN), 1991-2000, matlamatnya adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 7.2 peratus dan kadar kemiskinan tegar kepada 0.5 peratus pada tahun 2000. Di bawah Dasar Wawasan Negara (DWN), 2001-2010 pula, kadar kemiskinan akan dikurangkan kepada 0.5 peratus menjelang tahun 2005.

Antara usaha-usaha pembasmian kemiskinan adalah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Bantuan kewangan secara terus adalah terhad kepada golongan tua dan kurang upaya yang sukar mendapat pekerjaan. Program

---

<sup>66</sup> Jamilah Ariffin (1997), "Poverty: Conceptual Underpinnings, Trends And Patterns In Malaysia And A Literature Review" dalam Jamilah Ariffin (ed.), *Poverty Amidst Plenty, Research Findings and The Gender Dimension In Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publications, h.i.

<sup>67</sup> Ishak Yussof dan Nor Aini Haji Idris (2009), "Dasar dan Strategi Pembangunan Ekonomi Malaysia: Satu Penilaian", dalam Nor Aini Haji Idris dan Ishak Yussof (penyunting), *Ekonomi Malaysia ke Arah Pembangunan Seimbang*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hh.42-46.

pembasmian kemiskinan sebahagian besarnya ditumpukan ke sektor pertanian memandangkan bahawa sebahagian besar golongan miskin berada di dalam sektor ini.

Program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan termasuklah:

1. Menempatkan semula golongan yang tidak mempunyai tanah dan mereka yang memiliki saiz tanah yang tidak ekonomi ke dalam skim pembangunan tanah baru. Peneroka telah disediakan sebuah rumah lengkap dengan bekalan air paip dan elektrik;
2. Melaksanakan pembangunan in-situ di tanah pertanian yang sedia ada melalui pemulihan dan penyatuan tanah, penanaman semula tanaman komersil yang telah tua dengan penggunaan klon klon baru yang berhasil tinggi serta menggunakan kaedah penanaman yang lebih baik.<sup>68</sup>

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan menggariskan strategi ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020 melalui Misi Nasional. Strategi agihan bersama pertumbuhan dianggap pendekatan terbaik menggalakkan penyertaan golongan miskin dalam aktiviti ekonomi. Selain itu RMK-9 turut memfokuskan usaha-usaha seperti berikut: (a) mengurangkan jurang pendapatan penduduk luar bandar dengan bandar, (b) memajukan wilayah yang kurang membangun, (c) menggalakkan peluang pekerjaan sama rata, (d) mewujudkan usahawan generasi baru dan (e) mengkaji dasar dan program penyusunan semula.<sup>69</sup>

---

<sup>68</sup> Laporan Kualiti Hidup Malaysia (2004), *op.cit.*,h.70. Chamhuri Siwar (2003),“Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Krisis Kewangan: Isu, Masalah, Prospek dan Cabaran”, dalam Nor Aini Haji Idris dan Chamhuri Siwar, *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.55.

<sup>69</sup> Ishak Yussof dan Nor Aini Haji Idris (2009), “Dasar dan Strategi Pembangunan Ekonomi: Satu penilaian”, dalam Nor Aini Haji Idris dan Ishak Yussof (penyunting) *op.cit.*,hh. 45-51.

## **2.9. Kesimpulan.**

Di tengah-tengah kepelbagaian definisi, ciri-ciri, faktor-faktor dan dasar membasmi kemiskinan dari pandangan ekonomi, pengkaji menyimpulkan bahawa kemiskinan sangat berkait dengan dua keadaan iaitu pertama, keadaan yang menunjukkan serba kekurangan dalam keperluan asas manusia, terutama dari aspek monetari. Kedua, keadaan yang mendesak golongan miskin memerlukan bantuan bagi menampung segala kekurangan tersebut.

Konsep kemiskinan juga dilihat melalui pelbagai dimensi yang merangkumi sudut ekonomi dan bukan ekonomi. Kebanyakan konsep tersebut bersetuju dalam memberi takrifan kemiskinan dari sudut material iaitu kekurangan pendapatan isi rumah, kekurangan menikmati keperluan asas hidup dan kemudahan sosial yang lain. Para pengkaji kemiskinan hanya membezakan definisi kemiskinan dari sudut keutamaan sama ada melihat kadar kemiskinan, keperluan asas golongan miskin dan tingkat pendapatan.


Disebabkan kemiskinan adalah masalah masyarakat, jadi usaha membasmi kemiskinan turut diberi perhatian melalui dasar-dasar kerajaan dan ini secara langsung menunjukkan permasalahan tersebut tidak wajar dipandang ringan. Meskipun pelbagai usaha telah dilakukan dan kajian-kajian yang berfokuskan membasmi kemiskinan masih berterusan, maka kajian ini turut mengambilkira dua pendekatan untuk mengenalpasti kesan agihan zakat dalam membasmi permasalahan tersebut. Dalam kajian ini, takrif golongan miskin berasaskan dua ciri pertama, golongan yang mempunyai pendapatan di bawah PGK yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi dan kedua, senarai asnaf

zakat fakir dan miskin yang dikeluarkan oleh Bahagian Zakat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada tahun 2008.

## 2.10. Kerangka Teori Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan.

Kerangka teori bermaksud suatu gambarajah teori yang menunjukkan kaitan antara komponen-komponen yang dikaji dalam satu model.<sup>70</sup> Menurut Idris Awang, bahagian ini menjelaskan teori atau pemikiran yang digagaskan untuk menyelesaikan masalah yang hendak dikaji.<sup>71</sup> Rajah 2.3. di bawah menggambarkan kerangka teori kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan.

Rajah 2.3. Kerangka Teori Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan.



Rajah 2.3. menunjukkan kerangka pemahaman agihan zakat bermula dari konsep dan falsafah zakat yang sebenar menurut perspektif Islam. Ianya selaras dengan kesan agihan zakat yang bertujuan untuk membantu pihak yang memerlukan dan

<sup>70</sup> Uma Sekaran (2000), *Research Methods For Business A skill Building Approach*. New York: John Wiley & Son, h.91.

<sup>71</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., h. 61.

memperkuat jaminan sosial, satu bentuk agihan semula pendapatan dan menjaga kebajikan sosial. (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Azizi Che Seman dan Nor Aini Ali dan Abdul Rahim Abdul Rahman).<sup>72</sup> Asnaf fakir dan miskin merupakan asnaf yang yang terjebak dalam kemiskinan namun definisi kemiskinan menurut Islam bukan sekadar kekurangan dan ketidaksempurnaan dari aspek monetari semata-mata tetapi juga melibatkan kekurangan dari aspek kerohanian. Pemahaman terhadap hakikat kemiskinan dalam Islam akan dapat memberi ideologi atau pegangan yang lebih luas mengenai kemiskinan sebenar dan kaedah mengatasinya menjadi lebih berkesan.

Prinsip *maqāṣid syarī'ah* (tujuan dan objektif perundangan Islam) perlu dilihat pada konteks yang lebih luas lagi selain daripada aspek material semata-mata. Menurut as-Syatibi dan Mohammad Hashim Kamali *maqāṣid syarī'ah* ini diperlukan agar ianya mampu memenuhi tuntutan perubahan zaman dan menghindarkan pengabaian terhadap manusia (*Jalb al-masālih wa Dar al-Mafasīd*). Lima keperluan asas (*daruriyyah*) yang perlu dipenuhi oleh manusia iaitu memelihara dan menjaga kesucian agama, menjamin keselamatan nyawa, menjamin kemuliaan akal dan fikiran, menjamin kehormatan dan maruah diri dan menjamin kekayaan harta. Kesemua keperluan asas mempunyai kaitan dengan masalah kemiskinan umpamanya kemiskinan boleh menjadikan seseorang kufur, melakukan jenayah, merosakkan pemikiran, menghilangkan maruah dan menjejaskan pengagihan semula kekayaan. Mohd Amim Othman menyatakan bahaya kemiskinan akan mempengaruhi kognitif (persepsi) manusia, afektif (perasaan) dan tingkah laku.<sup>73</sup> Justeru kajian kesan agihan zakat perlu diseimbangkan dengan kehendak

---

<sup>72</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), *op.cit.*, h.43-46. Azizi Che Seman dan Nor Aini Ali (2004), *op.cit.*, h.42. Abdul Rahim Abdul Rahman (2007), *op.cit.*,h.92.

<sup>73</sup> Mohd Amim Othman (2004), "Golongan Berpendapatan Rendah: Perspektif Islam", dalam Mohd Amim Othman & Nurizan Yahaya (editor), *op.cit.*,h.39.

*maqāṣid syarīah* agar ianya menepati terhadap keperluan manusia.<sup>74</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail menyatakan sekiranya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi kehidupan manusia sudah tidak ada ertinya lagi dan tindakan mencabul kelima-lima perkara dianggap mafsadah.

Berkenaan dengan skim agihan zakat pula menurut Nor Aini Idris jika ianya diuruskan secara berkesan dapat memberi manfaat kepada golongan miskin.<sup>75</sup> Namun begitu bagi Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Nor menyatakan kajian-kajian mengenai zakat sebelum ini lebih menumpukan aspek bagaimana mahu meningkatkan kutipan dan juga kaedah yang berkesan untuk mengagihkannya. Tetapi kajian untuk melihat kesan bantuan zakat masih terbatas kepada unsur pendapatan sahaja.<sup>76</sup> Oleh itu kajian perlu dilaksanakan untuk melihat kesan zakat dalam aspek meningkatkan kualiti hidup asnaf fakir miskin.

Berkenaan dengan tahap kejayaan usaha-usaha membasmi kemiskinan, menurut Muhammad Syukri Salleh meskipun banyak kes membasmi kemiskinan dapat dikurangkan tetapi ianya tidak berjaya dihapuskan secara total. Malah kemiskinan terus wujud dan usaha-usaha mengatasinya pun terus menerus dilaksanakan. Beliau telah memberi dimensi baru kemiskinan dari sudut perspektif Islam, iaitu dengan meningkatkan aspek kerohanian atau jiwa seseorang maka akan memberi kesan

---

<sup>74</sup> Lihat al-Syatibi (1996), *al-Muwāfaqat Fi Usūl al-Syari'ah*, Beirut: Dar al-Ma'rifah. Mohammad Hashim Kamali (2011), "Maqasid Syariah", <http://www.scribd.com/doc/39483964/Maqasid-ash-Sharia> dan International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia <http://www.iais.org.my/en/publications/articles.html?start=24> 27 September 2011.

Selain keperluan jenis *Daruriyyah*, terdapat juga jenis *Hajiyyah* dan *Tahsiniyyah*. Dalam konteks kajian ini *daruriyyah* menjadi fokus kesan agihan zakat.

<sup>75</sup> Nor Aini Idris (2006), "Isu dan Masalah Kemiskinan di Malaysia", dalam Ishak Yusoff, Nor Aini Idris dan Basri Abdul Talib (penyunting), *Ekonomi Malaysia Ke Arah Pascaindustri*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.150.

<sup>76</sup> Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Nor (2004), "Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Miskin", *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research*, No.1 Vol.1, hh.151-166.

terhadap usaha membasmi kemiskinan.<sup>77</sup> Justeru, kerangka teori agihan zakat dalam membasmi kemiskinan menurut prinsip *maqāṣid syarīah* akan mengukur tahap kemiskinan dengan lebih tepat.

### 2.11. Konsep Asas Pengagihan Zakat.

Konsep ialah satu idea yang umum mengenai kesemua bentuk fenomena secara objektif.<sup>78</sup> Dalam kajian ini konsep agihan zakat merujuk kepada matlamat utama agihan iaitu merapatkan perbezaan jurang ekonomi atau pendapatan dalam sesebuah masyarakat ke tahap yang paling minimum. Tujuannya ialah untuk mencipta perbezaan ekonomi yang adil dan saksama di kalangan orang ramai supaya orang-orang kaya tidak akan menjadi lebih kaya manakala orang yang miskin tidak menjadi lebih miskin.<sup>79</sup> Berhubung dengan konsep asas pengagihan zakat dapat dilihat pada penjelasan Allah SWT sebagaimana firmanNya:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ  
قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ  
فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Surah al-Taubah (9):60

<sup>77</sup> Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad (2000), *op.cit.*,

<sup>78</sup> Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 58.

<sup>79</sup> Zulkefly Abdul Karim Mohd. Azlah Shah Zaidi dan Hairunnizam Wahid (2004), "Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan:Isu dan Cabaran", dalam Hailani Muji Tahir, Abd Ghafar Ismail dan Zamzuri Zakaria (penyunting) *op.cit.*,hh.79-94.

Maksudnya: Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk orang yang berjuan pada jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah. Dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Menurut Mahmood Zuhdi Abdul Majid ayat tersebut menggambarkan secara jelas bahawa dalam masalah pengagihan zakat al-Quran bersikap lebih memperincikan arahan. Ini disebabkan kemungkinan ianya boleh berlaku penyelewengan dan penggunaan hawa nafsu dalam mengagihkan zakat.<sup>80</sup>

Apabila membincangkan unsur bahasa di dalam Surah al-Taubah ayat 60, menurut 'Abbas Hassan<sup>81</sup> menjelaskan perkataan *إِنَّمَا*-*Innamā* merupakan dua perkataan gabungan iaitu *inna* dan *mā*. Dalam Bahasa Arab *inna* menjadi satu al-hurūf al-nāsikhah. Apabila *inna* diikuti dengan *mā*, maka ia menjadi kāffah dan makfūfah iaitu menahan dan ditahan daripada bertindak sebagai al-hurūf al-nāsikhah. Selanjutnya menurut Muhyi al-Din al-Darawīsh<sup>82</sup> lafaz *Innamā* memberi erti batasan dan had, iaitu pemberian harta zakat adalah terhad kepada asnaf yang disebutkan sahaja.

---

<sup>80</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), *op.cit.*, h.427.

<sup>81</sup> 'Abbas Hasan (t.t), *al-Nahwu al Wāfi*, ed.5, jld. 5, Mesir: Dar al-Maārif, h.636.

<sup>82</sup> Muhyi al-Din al-Darawīsh (1999), *I'rābal-Qur'an al-Karim*, ed.7, jld.4, Damsyiq:Dār al-Yamamah, h.231.



Manakala lafaz *لِلْفُقَرَاءِ*- *Li* bermaksud untuk, berasal dari huruf *Lām* yang

tergolong dalam huruf *Lām al-iḍāfah*, iaitu *Lām* yang digunakan untuk menyandarkan sesuatu kepada pemiliknya. Menurut pandangan mazhab Syafi'e *Lām* dalam ayat tersebut merupakan *Lām al-Tamlik*.<sup>83</sup> Menerusi huraian di atas boleh diringkaskan bahawa harta zakat merupakan harta yang telah dihaskan oleh Allah SWT untuk diberikan haknya kepada 8 asnaf yang telah ditentukan oleh-Nya. Dua antara asnaf yang berhak mendapat zakat ialah fakir dan miskin di mana harta yang diberikan itu merupakan hak milik mereka sebenarnya.

## **2.12. Amalan Pengurusan Kutipan Dan Agihan Zakat.**

Konsep agihan zakat sebagaimana terkandung di dalam Manual Pengurusan Agihan Zakat yang diselaraskan oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji telah menggariskan 15 prinsip-prinsip agihan. Prinsip-prinsip tersebut ialah amanah, telus, menyeluruh, wajar, haddul kifayah, khusus dan berasingan. Selanjutnya ialah berhemah, pengawasan, pertanggungjawaban, mendapatkan maklumat dengan lengkap, pencalonan, segera, hak dan keutamaan.<sup>84</sup>

Prinsip-prinsip di atas merupakan pendekatan yang menjadi panduan kepada pihak MAINS di dalam aktiviti agihan zakat kepada asnaf yang layak menerima dana zakat. Selain itu ia juga bertujuan membuat kawalan agar agihan tersebut benar-benar sampai kepada golongan tersebut.

---

<sup>83</sup> Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yahya bin Syarh (t.t.), *al-Majmū'*, jld.6, Kaherah: Maktabah al-Imam, h.185.

<sup>84</sup> Manual Pengurusan Agihan Zakat (2007), Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. h.4

### 2.1.3. Pengertian Zakat dari Sudut Bahasa

Secara umum zakat bererti *al-ziyādah* (pertambahan) dan *namā'* (pertumbuhan), kemudian digunakan bagi banyak pengertian lain seperti cerdas, subur, berkat, kepujian, membersihkan atau menyucikan dan lain-lain.<sup>85</sup>

Al-Mawardi menyatakan bahawa perkataan zakat sama dengan *ṣodaqah*, walaupun berbeza nama.<sup>86</sup> Manakala takrif *ṣodaqah* ialah suatu pemberian yang bertujuan untuk mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah SWT.<sup>87</sup>

Definisi ini kebanyakannya merujuk kepada ayat al-Qur'ān dan hadis yang mengaitkan dengan objektif zakat kepada manusia seperti surah al-Taubah:103 (membersihkan dan menyucikan), surah al-Baqārah:267 (menafkahkan usaha yang baik), al-Baqārah: 276( Allah mengembangkan sedekah) dan surah al-Hajj: 41 (zakat sebagai salah satu rukun).

### 2.14. Pengertian Zakat Dari Sudut Istilah Syarak.

Menurut Muhammad Rawwas zakat ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu dengan kadar tertentu apabila sudah cukup *niṣab* yang telah disyariatkan oleh syarak.<sup>88</sup> Ibn Hajar al-Asqalāni pula menyatakan bahawa zakat ialah memberikan sebahagian dari

---

<sup>85</sup> Ibn Manzūr (1990), "*Lisān al-'Arab*", jld.14, Beirut: Dar al-Fakr, hh. 358-359.

<sup>86</sup> Al-Mawardi, Abū Hasan 'Ali bin Muhammad (1993), *Hukum-hukum Pemerintahan dan Kekuasaan Agama*. Uthman Haji Khalid (terj). Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam. h.50.

<sup>87</sup> Muhammad Rawwas Qal'aji dan Dr. Hamid Sadiq Qunaibi (1985), "*Mu'jam Lughot al Fuqāhā*". Beirut: Dar an-Nafaes, h. 272.

<sup>88</sup> *Ibid.*, h. 232.

harta yang sejenis yang sudah sampai *niṣab* selama setahun dan diberikan kepada orang fakir dan semisalnya yang bukan dari Bani Hāsyim dan Bani Mutālib.<sup>89</sup>

Daripada pengertian zakat di atas pengkaji merumuskan bahawa zakat ialah satu ibadat fardu yang telah *ditaklīfkan* oleh Allah SWT melalui nas yang *qat‘ī* (muktamad) kepada umat Islam untuk mengeluarkan kadar tertentu daripada jenis-jenis harta tertentu setelah cukup rukun-rukun dan syarat-syaratnya, dengan tujuan untuk diagihkan kepada asnaf yang layak menerima. Kewajipan ini tidak lain dan tidak bukan diniatkan hanya bagi mendapatkan ganjaran pahala dan keberkatan di sisi Allah SWT serta dapat menjauhkan diri daripada ditimpa kemurkaan-Nya.

Di situ wujud dua perkara yang tidak boleh dipisah iaitu pertama; zakat menjadi satu amalan ibadat yang diwajibkan untuk mengeluarkan harta tertentu dan kedua; amalan ini dipenuhi dengan pelbagai hikmah yang meliputi sama ada dari sudut individu, masyarakat dan negara. Oleh sebab itu kewajipan menunaikan zakat bukan sahaja sebagai dorongan untuk melaksanakan secara sukarela sahaja, bahkan Allah memberi amaran tentang bahayanya dan tindakan keras kepada mereka yang menafikan amalan mulia ini serta enggan mengeluarkan zakat seperti di dalam surah al-Taubah:76 (balasan orang yang bakhil), surah al-Taubah: 35 (harta simpanan menjadi bahan bakar di dalam neraka), surah al-Lail:8 (sifat orang bakhil) dan surah Ali-‘Imrān: 180 (harta akan dililit ke leher semasa hari kiamat).

Selain definisi tersebut telah menjelaskan bahawa zakat merupakan ibadat yang berkaitan harta milik sosial (surah al-Taubah ayat 60) iaitu untuk mereka yang layak

---

<sup>89</sup> Ibn Hajar al-Asqalāni (1991), *Fath al-Bāri*, jld.4 Beirut: Dar al-Fikr, h. 262.

menerima yang disebut *asnaf* zakat dan menjadi bidang kuasa pemerintah (surah al-Taubah ayat 103) dari aspek perancangan dan pengurusan yang berkesan dalam menguruskan kutipan.

## 2.15. Dalil-Dalil Pensyariatan Zakat.

Kewajipan melaksanakan ibadat zakat ini merujuk kepada perintah Allah SWT yang tercatat dalam al-Qur’ān sebagai satu *taklīf* (kewajipan). Perkataan zakat diulang hingga 32 kali di mana 26 daripadanya mengiringi perkataan solat di dalam satu ayat. Manakala perkataan *sadaqah* disebut sebanyak 12 kali di dalam al-Qur’ān.<sup>90</sup> Ia juga banyak diperkatakan oleh para fuqahā’ dalam banyak bab tidak hanya kepada bab ibadat sahaja bahkan meliputi bab harta, sosial, kebajikan, pemerintahan dan sebagainya.<sup>91</sup>

Allah SWT berfirman:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Surah al-Baqārah (2): 43

Maksudnya: “Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan ruku’lah bersama-sama orang yang ruku’”.

Dalam surah an-Nur ayat 56 pula Allah SWT telah berfirman:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Surah an-Nur (24): 56

<sup>90</sup> Rif’at Abd. Al-Latif Masyhur (2002), *Zakat: Sebagai Penjana Pembangunan Ekonomi Islam*. Haji Abu Mazaya al-Hafiz(terj.), Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h. 26.

<sup>91</sup> Al-Mawardi, Abū Hasan Ali bin Muhammad (1993), *op.cit.*, h.50.

Maksudnya: “Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat”.

Ibadat zakat merupakan sebahagian daripada Rukun Islam yang lima, sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْإِسْلَامَ بُنِيَ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَصِيَامِ رَمَضَانَ وَحَجِّ الْبَيْتِ.

Maksudnya: Daripada Ibn Umar r.a berkata, Rasulullah SAW bersabda “Islam dibina atas lima perkara: Bersyahadah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan menunaikan haji.<sup>92</sup>

Selain itu Rasulullah SAW turut bersabda tentang kefarduan membayar zakat kepada umat Islam.

ابْنُ عَبَّاسٍ يَقُولُ لَمَّا بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُعَاذَ بْنَ جَبَلٍ إِلَى نَحْوِ أَهْلِ الْيَمَنِ قَالَ لَهُ إِنَّكَ تَقْدُمُ عَلَى قَوْمٍ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ فَلْيُكُنْ أَوَّلَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَى أَنْ يُوحِّدُوا اللَّهَ تَعَالَى فَإِذَا عَرَفُوا ذَلِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِهِمْ وَلَيْلَتِهِمْ فَإِذَا صَلَّوْا فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً فِي أَمْوَالِهِمْ تَأْخُذُ مِنْ غَنِيِّهِمْ فَتُرَدُّ عَلَى فُقَيْرِهِمْ فَإِذَا أَقْرَأُوا بِذَلِكَ فَخُذْ مِنْهُمْ وَتَوَقَّ كَرَائِمَ أَمْوَالِ النَّاسِ

Maksudnya: Dari Ibn Abbas r.a.,berkata: Rasulullah s.a.w bersabda kepada Mu'az bin Jabal ketika Baginda mengutusnyanya ke negeri Yaman: "Engkau wahai Mu'az akan sampai kepada suatu kaum (yang terdapat di antaranya golongan) ahli kitab kemudian

<sup>92</sup> Sahih al-Bukhari (t.t.), Bāb Buniya al-Islām ‘Ala Khamsin, no.hadis 7, juz.1, Al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

apabila engkau menemui mereka, maka serukanlah mereka supaya mengucap dua kalimah syahadah dengan meyakini bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah. Jika mereka mematuhi seruanmu itu, maka khabarkanlah bahawa Allah telah memfardukan sembahyang lima waktu pada tiap-tiap hari dan malamnya. Jika mereka mematuhi seruanmu itu, maka khabarkanlah bahawa Allah telah memfardukan mereka zakat yang diambil daripada orang-orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang yang miskin. Jika mereka mematuhi seruanmu itu, maka awaslah (semasa mengambil zakat) janganlah engkau mengambil harta benda mereka yang sangat-sangat bernilai.<sup>93</sup>

Dalam hadis di atas, Nabi Muhammad SAW secara jelas telah mengingatkan Mu'adz bin Jabal mengenai kewajipan menunaikan zakat yang diambil daripada orang kaya dan akan diberikan kepada orang fakir. Pandangan *ijmā' 'ulamā'* juga mengatakan bahawa setiap orang Islam wajib menunaikan zakat dan menjadi kesalahan bagi orang yang ingkar.

Peringatan kepada mereka yang enggan membayar zakat juga disentuh sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang menyebut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ يُبْلَغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا  
 مِنْ رَجُلٍ لَا يُؤَدِّي زَكَاةَ مَالِهِ إِلَّا جَعَلَ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي عُنُقِهِ  
 شُجَاعًا ثُمَّ قَرَأَ عَلَيْنَا مِصْدَاقَهُ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ { وَلَا  
 يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ }

Maksudnya: Dari Abdillah Bin Mas'ud, Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang diberikan Allah harta benda, kemudian ia tidak menunaikan zakatnya, (maka hartanya itu) akan pada hari kiamat ia menjadi sebagai seekor ular jantan akan membelit badannya pada hari itu, kemudian mematuk-matuknya lalu berkata kepadanya: "Akulah

<sup>93</sup> Sahih al-Bukhari (t.t), , Bāb Wujūb al-Zakāh, no.hadis 6824, juz.22, Al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

hartamu, akulah hartamu yang engkau tidak keluarkan zakatnya". "Setelah itu Baginda membaca ayat .. وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ<sup>94</sup>

Dari sudut pentadbiran negara Madinah pula Rasulullah SAW telah melantik pemungut zakat di setiap wilayah taklukan Islam dan bertanggungjawab secara langsung kepada pentadbiran pusat di Madinah, contohnya seperti ‘Umar ibn Al-Khatab, Mu‘adz bin Jabal dan Ibn al-Latbiyah.<sup>95</sup> Ini membuktikan bahawa zakat berhubung terus dengan polisi pemerintahan Islam yang dikawalselia oleh khalifah atau ketua negara.

Khalifah Saidina Abū Bakar al-Siddīq pula begitu giat membanteras golongan *al-Riddah* (golongan yang enggan membayar zakat kepada pemerintah dan nabi-nabi palsu) sebagai komitmen meneruskan kewajipan sebagai ketua negara selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.

Jika dilihat daripada hadis yang pertama di atas ia meletakkan kedudukan ibadat zakat sebagai rukun yang ketiga, iaitu selepas seseorang mengucapkan lafaz syahadah dan menunaikan sembahyang. Oleh itu bagi seseorang Muslim yang tidak mengeluarkan zakat maka tidak akan tertegaklah pembinaan keislamannya, sekalipun telah melaksanakan kefarduan yang lain. Ini disebabkan keislaman seseorang haruslah melengkapinya kelima-lima ibadat yang disebutkan di dalam hadis di atas.

---

<sup>94</sup> Sunan al-Tirmizi, (t.t), Bāb Wa min sūrah Ali ‘Imrān, no.hadis 2938, juz.10, Al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

<sup>95</sup> Irfan Mahmud Ra’ana (1977), *Economic System Under Umar The Great*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, h. 119-120.

## 2.16. Kemiskinan Menurut Pandangan Islam.

Islam telah menerangkan mengenai fenomena kemiskinan di dalam al-Qur'ān sejak lebih 1,400 hijrah yang lalu. Yūsuf al-Qardāwī menyatakan kemiskinan mendatangkan bahaya besar seperti membuatkan manusia hilang pertimbangan moral dan mencemari kemurnian hubungan antara anggota keluarga, mengancam keamanan, kesejahteraan dan kestabilan masyarakat, berbahaya terhadap kedaulatan, kebebasan dan kemerdekaan satu bangsa, bahaya terhadap kesihatan orang awam mendapatkan makanan yang berkhasiat, hidup dalam udara yang tercemar, kegundahan dan kemarahan.<sup>96</sup>

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَقِ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ

Surah al-An'ām (6):151

Maksudnya: Janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana kemiskinan. Kami akan memberi rezeki kepadamu dan kepada mereka”.

Rasulullah SAW turut menyebut dalam doa agar dijauhkan kemiskinan,:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ اللَّهُمَّ إِنِّي  
أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْفَقْرِ وَالْقِلَّةِ وَالذَّلَّةِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ أَظْلَمَ أَوْ أُظْلَمَ

<sup>96</sup> Yūsuf al-Qardāwī (2000), *Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya*. Arsil Ibrahim (terj.). Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPEIM), hh.25-29.



Maksudnya: Daripada Abi Hurairah r.a bahawa Nabi SAW bersabda: Ya Allah, aku berlindung kepada Mu daripada kemiskinan, kekurangan dan kehinaan. Dan aku berlindung kepadaMu daripada menganiaya dan dianiaya.<sup>97</sup>

Rasulullah SAW turut berdoa agar dijauhkan daripada fitnah kekayaan dan fitnah kefakiran:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ النَّارِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ  
فِتْنَةِ الْقَبْرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْغِنَى  
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْفَقْرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Maksudnya: Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari fitnah dan siksa neraka. Aku berlindung kepadaMu dari fitnah kubur. Aku berlindung kepadaMu dari azab kubur. Aku berlindung kepadaMu dari fitnah kaya. Aku berlindung kepadaMu dari fitnah fakir. Aku berlindung kepadaMu dari fitnah Dajjal yang pembohong.<sup>98</sup>

Takrif kekayaan atau kemiskinan bukan terletak pada pengukuran harta benda atau material semata-mata. Ini jelas dalam hadis Rasulullah SAW yang memberi takrifan mengenai kekayaan dan kemiskinan dari perspektif Islam.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسَ الْغِنَى  
عَنْ كَثْرَةِ الْعَرَضِ وَلَكِنَّ الْغِنَى غِنَى النَّفْسِ

<sup>97</sup> Sunan Abi Daud (t.t), Bāb fil isti'azah, no. hadis 1320, juz. 4, Al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

<sup>98</sup> Sahih Bukhari (t.t), no.hadis 5899, juz. 19, muka surat 473, Bāb al-Istiazah min fitnah al-ghina, Al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

Maksudnya: Darpada Abi Hurairah r.a berkata, Rasulullah SAW bersabda, bukanlah kekayaan itu dengan memiliki harta benda yang banyak tetapi kekayaan itu ialah kekayaan jiwa.<sup>99</sup>

Amalan sedekah yang paling besar ganjarannya ialah ketika kita berada dalam kesenangan:

أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الصَّدَقَةِ أَكْبَرُ أَجْرًا قَالَ أَنْ تَصَدَّقَ وَأَنْتَ صَحِيحٌ شَحِيحٌ تَخْشَى الْفُقْرَ وَتَأْمُلُ الْغِنَى وَلَا تُمَهِّلُ حَتَّى إِذَا بَلَغَتْ الْحُلُقُومَ قُلْتَ لِفُلَانٍ كَذَا وَلِفُلَانٍ كَذَا وَقَدْ كَانَ لِفُلَانٍ

Maksudnya: Abu Hurairah r.a. berkata, ada seorang lelaki datang kepada Nabi dan bertanya kepada Baginda, Wahai Rasulullah apakah perbuatan sedekah yang paling besar ganjarannya? Rasulullah SAW menjawab, sedekah yang paling besar ganjarannya ialah bersedekah ketika kamu sihat, ketika kamu mempunyai sifat kedekut (terlalu sayangkan harta), ketika kamu berasa bimbang akan menjadi fakir dan ketika kamu bercita-cita untuk menjadi kaya. Janganlah kamu menanggukkan amalan sedekah sehingga dipenghujung nyawa lalu pada ketika itu engkau pun mengatakan berikanlah harta ini kepada orang-orang tersebut.<sup>100</sup>

Kekayaan juga bermaksud kesihatan, ketaqwaan dan kenikmatan.

عَنْ مُعَاذِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ حُبَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَمِّهِ قَالَ كُنَّا فِي مَجْلِسٍ فَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى رَأْسِهِ أَثْرُ مَاءٍ فَقَالَ لَهُ بَعْضُنَا نَرَاكَ الْيَوْمَ طَيِّبَ النَّفْسِ فَقَالَ أَجَلٌ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ ثُمَّ أَفَاضَ الْقَوْمُ فِي ذِكْرِ

<sup>99</sup> Sahih al-Bukhari (t.t.) Bāb al-Ghina Ghina nafs, no. hadis 5965, juz.20, Sahih Muslim (t.t), Bāb laisa al-ghina ‘an kathrati al-‘araḍi, no.hadis 1741, juz.5, Sunan Ibn Majah, Bab al-Qana’ah, no. hadis 4127, juz.12, al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

<sup>100</sup> Sahih al-Bukhari (t.t.), Bab Faḍlu Sadaqah, no.hadis 1330, juz.5, al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

الْغِنَى فَقَالَ لَا بَأْسَ بِالْغِنَى لِمَنْ اتَّقَى وَالصَّحَّةُ لِمَنْ اتَّقَى خَيْرٌ مِنَ الْغِنَى  
وَطَيْبُ النَّفْسِ مِنَ النَّعِيمِ

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Mu'adz bin Abdillah bin Khubaib berkata, ketika kami berada di dalam satu majlis, maka Nabi SAW datang dan di atas kepala baginda ada kesan air. Kemudian salah seorang dari kami berkata kepada Rasulullah SAW, “kami lihat kamu hari ini berada dalam keadaan baik”. Rasulullah SAW berkata “Ya, alhamdulillah”. Kemudian kumpulan itu bercerita mengenai kekayaan. Rasulullah SAW berkata, “Tak menjadi kesalahan dengan seseorang itu menjadi kaya tetapi mempunyai sifat takwa. Adalah lebih baik bagi orang yang sihat dan bertakwa daripada kekayaan. Jiwa yang baik adalah sebahagian daripada unsur kenikmatan.<sup>101</sup>

Allah SWT menyayangi sifat orang kaya yang berikut;

عَنْ عُمَرَ بْنِ سَعْدٍ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ اللَّهَ  
عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ الْغَنِيَّ الْخَفِيَّ التَّقِيَّ

Maksudnya: Telah diriwayatkan daripada ‘Umar bin Sa’d, berkata “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, sesungguhnya Allah azzawajala menyayangi orang kaya yang tidak menghebahkan kekayaannya lagi bertakwa.<sup>102</sup>

Berdasarkan dalil-dalil di atas, maksud kekayaan dan kemiskinan bukan sekadar diukur dari aspek banyaknya harta atau aset seseorang. Tetapi kekayaan dari perspektif Islam juga membawa maksud kekayaan pada jiwa umpamanya sifat takwa, jiwa sentiasa tenang, membuat amalan sedekah dan taraf kesihatan yang baik. Islam

<sup>101</sup> Sunan Ibnu Majah (t.t.) Bab al-Hithu ‘Ala al-Makathib, no. hadis 2132, juz 6, Al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

<sup>102</sup> Musnad Ahmad (t.t), no.hadis 1447, juz. 3, al-Maktabah al-Syamilah versi kedua.

tidak melarang umatnya menjadi kaya harta, tetapi kekayaan itu haruslah menjadikan sifat dan jiwa kita semakin tinggi keimanan terhadap Allah SWT. Inilah yang harus diusahakan oleh kita dalam erti kata sebenar mengenai isu kekayaan dan kemiskinan dalam Islam.

Isu kemiskinan telah menarik minat dari pelbagai dimensi seperti ahli ekonomi, politik, sosiologi, perubatan dan lain-lain.<sup>103</sup> Islam juga tidak menolak fenomena kemiskinan sebagai isu yang remeh dan dipandang ringan malah menjadi objektif pengagihan zakat membantu pihak yang memerlukan dan memperkukuhkan jaminan sosial.<sup>104</sup> Pandangan yang sama diutarakan oleh Yūsuf al-Qardāwī dan Muhammad Syukri Salleh et.al, bahawa kemiskinan tidak wajar dibiarkan dan kaedah membasminya haruslah melalui kedua-dua bentuk pengurusan material dan pengurusan jiwa sekaligus, bukan mengurus kemiskinan material semata-mata. Ini kerana tidak mungkin masalah kemiskinan material dapat diselesaikan sekiranya masalah kemiskinan jiwa tidak diuruskan, apatah lagi diabaikan.<sup>105</sup>

Di dalam surah al-Isrā' pula Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ  
قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا ﴿١٧﴾

Surah al-Isrā'(17):31

<sup>103</sup> Jamilah Ariffin (1997), "Poverty: Conceptual Underpinnings, Trends And Patterns In Malaysia And A Literature Review" dalam Jamilah Ariffin (Editor) *op.cit.*, h.1

<sup>104</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), *op.cit.*, h.43-46

<sup>105</sup> Yūsuf al-Qardāwī (2000), *op.cit.*, h.25.

Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar.

Yūsuf al-Qardāwī memberi penekanan terhadap pembasmian kemiskinan dengan menjadikan zakat sebagai sumber dana yang besar dan ianya merupakan antara saranan terpenting. Beliau telah menjelaskan aspek kemiskinan, ciri-ciri kemiskinan, kaedah mengatasi dan syarat-syarat untuk memastikan institusi zakat dijalankan di atas landasan syariat Islam agar kesan agihan zakat benar-benar memberi impak kepada golongan fakir miskin.<sup>106</sup>

Konsep membasmi kemiskinan meliputi dari semua sudut sama ada melalui usaha individu, masyarakat dan juga aturan dalam ajaran Islam. Ini disebabkan konsep kemiskinan bukan sekadar melihat aspek material atau aset semata-mata malah meliputi ketidakmampuan memiliki peluang sebagaimana manusia yang lain dalam memenuhi keperluan standard kehidupan minima. Malah kemiskinan dari aspek jiwa atau kerohanian turut disentuh oleh Islam supaya mempunyai pegangan dan pemahaman ajaran Islam dengan sebenar-benarnya. Sifat-sifat menyucikan jiwa dari dalam konteks membasmi kemiskinan pula ditunjukkan oleh Rasulullah SAW melalui akhlakbaginda umpamanya zuhud, qan'ah, syukur, warak dan sentiasa berusaha untuk mencapai ketinggian iman kepada Allah SWT. Secara ringkasnya, kemiskinan harta dan kemiskinan rohani atau jiwa sama-sama penting dan perlu diatasi dengan kaedah yang betul dan bersesuaian dengan Islam.

---

<sup>106</sup> *Ibid.*,h.63-248

## 2.17. Zakat Dan Konsep Pembasmian Kemiskinan.

Dari sudut sejarah institusi baitul mal, zakat berfungsi sebagai salah satu sumber pendapatan utama negara. Ia menjadi sebahagian polisi fiskal negara, boleh menjana kuasa beli masyarakat dan meningkatkan produktiviti negara. Zakat juga boleh menjamin kestabilan ekonomi dalam keadaan inflasi dan deflasi serta mampu menyelesaikan sebahagian masalah pembangunan negara.<sup>107</sup>

Konsep kemiskinan dan kekayaan menurut Islam pada dasarnya adalah sama iaitu sebagai ujian terhadap manusia, namun kemiskinan akan menimbulkan kemudaratan.<sup>108</sup> Jika kita lihat pada ayat-ayat al-Quran di mana Allah SWT menyeru kepada umatnya agar berinfaq seperti mana yang dikehendakiNya,<sup>109</sup> dan diperkuatkan lagi dengan doa Rasulullah SAW yang memohon kepada Allah SWT agar tidak terjerumus ke kancah kemiskinan menjadi bukti bahawa kemiskinan perlu diatasi dan boleh dihapuskan sekiranya kita memahami dengan sebenarnya erti kemiskinan dalam aturan syariat Islam.<sup>110</sup> Namun begitu Islam mempunyai perspektif yang tersendiri berbanding dengan perspektif barat dalam soal mengatasi masalah kemiskinan. Keadaan ini bergantung kepada dimensi pemahaman atau penghayatan Islam berkaitan dengan masalah kemiskinan dan kekayaan itu sendiri.

---

<sup>107</sup> Hailani Muji Tahir (2004), "Kedudukan Illah, Nisab, Kadar dan Haul Dalam Menjana Sumber Zakat Korporat", *op.cit.*, h.3

<sup>108</sup> Muhammad al-Sayyid Yusuf (2008), *op.cit.*, h.198.

<sup>109</sup> Surah al-Baqarah (2): 268, 271 dan 273, Surah an-Nisa'(4): 6, Surah al-Hajj (22): 28, Surah at-Taubah (9):60

<sup>110</sup> Muhammad al-Sayyid Yusuf *op.cit* hh.197-198

Konsep kemiskinan, pelaksanaan agihan zakat dan kaedah untuk membasminya seperti mana pandangan Yūsuf al-Qardāwī<sup>111</sup> dan Muhammad Syukri Salleh<sup>112</sup> telah dijelaskan dengan terperinci. Termasuklah kajian-kajian yang mendedahkan kekurangan dan kelemahan institusi zakat yang didakwa kurang berkesan dalam menjamin hak golongan fakir miskin. Umpamanya Hairunnizam Wahid yang mendapati golongan miskin tidak berpuashati dengan bantuan zakat, bayaran zakat hanya sebagai bayaran pindahan (tidak produktif), nilai bantuan zakat terlalu kecil dan kaedah agihan zakat perlu dipertingkatkan untuk menghasilkan kesan yang lebih jelas lagi.<sup>113</sup> Keadaan demikian terjadi kemungkinan disebabkan oleh perspektif kemiskinan yang menumpukan aspek monetari tanpa diseiringkan dengan aspek non monetari, pengukuran dan kaedah mengatasinya belum menepati seperti mana konsep dan pembasmian kemiskinan oleh Islam.

Pembelaan terhadap fakir miskin telah menjadi agenda utama di dalam pengembangan dakwah Islam bagi menggantikan masyarakat jahiliah kepada sebuah masyarakat yang berasaskan agama Islam. Usaha membebaskan manusia dari cengkaman kemiskinan harta dan kemiskinan jiwa atau rohani bergerak seiring meskipun secara kasarnya seolah-olah pembebasan kemiskinan harta itu lebih menonjol. Tetapi hakikatnya melalui penghayatan dan penganalisaan tulisan-tulisan sarjana Islam sebenarnya mencetuskan idea lebih kehadapan iaitu membasmi kemiskinan harta haruslah disertai bersama dengan pembasmian kemiskinan jiwa. Ini sejajar dengan falsafah zakat sebagai ibadat dan tanda kepatuhan terhadap perintah Allah SWT, bukan

---

<sup>111</sup> Yūsuf al-Qardāwī (2000), *op.cit.*, h.25.

<sup>112</sup> Muhammad Syukri Salleh dan Fadzila Azni Ahmad *op.cit.*

<sup>113</sup> Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Nor (2004), *op.cit.*, hh.151-166

kerana untuk mendapatkan habuan duniawi yang berbentuk kebendaan seperti pelepasan cukai dan cenderahati.

Persoalan lain yang berbangkit ialah adakah zakat tidak lagi perlu dikeluarkan sekiranya negara kita sudah tidak ada lagi golongan miskin? Dengan kata lain apakah zakat masih diperlukan ketika mana semua orang sudah kaya? Sepertimana yang diulaskan oleh sarjana Islam dalam bahagian yang lalu bahawa zakat merupakan satu perintah Allah SWT sebagai tanda kepatuhan dan ketaatan kepadaNya. Oleh itu selagi kita masih bernyawa, cukup syarat-syarat mengeluarkan zakat maka perintah itu tetap wajib dilaksanakan sampai bila-bila. Sebaliknya ketiadaan orang susah atau golongan miskin yang meminta zakat akan memberi faedah dan manfaat kepada umat Islam kerana mempunyai dana zakat yang berlebihan akibat usaha-usaha membasmi kemiskinan sudah berjaya dengan sepenuhnya.

Bagi menerapkan idea masyarakat yang dibela dengan agihan zakat, Islam menganjurkan agar kita tidak membezakan antara miskin dan kaya dalam sebarang kehidupan dan sosial di kalangan masyarakat. Apatah lagi Allah meletakkan taqwa sebagai indeks keimanan seseorang bukan kerana hartanya yang banyak tetapi sejauhmana harta itu mampu memberi manfaat kepada orang ramai. Berdasarkan sejarah, kedatangan agama-agama samawi bertujuan untuk memberikan alternatif cara hidup yang bersesuaian maka sebagai salah satu kaedah ialah menerusi pembahagian harta secara adil di kalangan masyarakat telah disarankan seperti di dalam surah al-Anbiya' iaitu;



وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ  
الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عِبْدِينَ ﴿٧٣﴾

Surah al-Anbiya'(21):73

Maksudnya: “Kami Telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah kami dan Telah kami wahyukan kepada, mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada kamilah mereka selalu menyembah”.

Apabila kita meyakini bahawa agama Islam sebagai *al-Dīn* (satu cara hidup) ia bermakna ibadat zakat bukan hanya sekadar untuk memenuhi tuntutan spiritual semata-mata tetapi ianya boleh menjadi mekanisma penting bagi sebuah pembangunan dan kemajuan negara mengikut acuan Islam. Sebab itulah Khalifah Abū Bakar al-Siddīq menganggap golongan yang tidak membayar zakat sebagai penderhaka dan mereka perlu dibanteras dengan segera agar tidak menjadi barah kepada keharmonian hidup dalam negara. Al-Mawardi pula misalnya membicarakan zakat di bahagian yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran bagi sesebuah negara, bukannya tertumpu kepada aspek amal ibadat sahaja. Tindakan-tindakan tersebut menunjukkan bahawa zakat sewajarnya dilihat dari perspektif yang sangat lengkap dan penting dalam kehidupan orang Islam sama ada sebagai pemerintah mahupun individu yang bersama-sama menegakkan sistem ekonomi Islam dengan erti kata sebenar agar tidak ada nampak kepincangan kerana mengabaikan syariat Islam.

Allah SWT telah meletakkan golongan fakir dan miskin sebagai golongan pertama untuk menerima agihan zakat. Al-Quran diturunkan dengan bahasa Arab oleh

yang demikian dari segi kesusateraan Bahasa Arab ia dimulai dengan yang terpenting menuju kepada yang kurang penting. Istilah lain disebut sebagai *awlāwīyyat* atau priority (keutamaan). Kedudukan fakir dan miskin inilah yang akan menjadi tumpuan kajian memnadangkan ianya merupakan golongan utama yang perlu diberi perhatian lebih awal berbanding daripada asnaf-asnaf zakat yang lain.

Menurut ulamak Mazhab Syafie, fakir ialah mereka yang tidak mempunyai harta atau penghasilan yang layak dalam memenuhi keperluannya seperti makanan, pakaian, dan keperluan lain yang selayak dengan keadaannya dan orang yang di bawah tanggungannya. Manakala takrif miskin pula ialah mereka yang mempunyai harta atau hasil pendapatan yang layak tetapi masih tidak memadai.<sup>114</sup> Menurut Yūsuf al-Qardāwī orang fakirlah orang yang memerlukan bantuan tetapi tidak pernah meminta-minta kepada orang ramai. Manakala orang miskin ialah orang yang berjalan ke sana sini untuk meminta kepada orang ramai.<sup>115</sup> Manakala majoriti ulamak mengatakan orang fakir lebih susah daripada orang yang miskin antaranya ialah pandangan Al-Qurtubī.<sup>116</sup> Mereka tidak memiliki sesuatu atau hanya memiliki kurang daripada setengah kadar keperluan diri dan keluarganya. Miskin pula ialah mereka yang memiliki setengah atau lebih daripada kadar keperluan diri dan keluarganya tetapi tidak sampai kepada taraf cukup.

Maksud “mencukupi” bagi pandangan Mazhab Syafie, Maliki dan Hanbali ialah mempunyai bekalan yang cukup selama setahun.<sup>117</sup> Berkenaan dengan maksud memenuhi keperluan atau sampai had fakir dan miskin menjadi kaya, Mahmood Zuhdi

---

<sup>114</sup> Al-Sharbīnī (1415H), *al-Iqna' fī Hall alFaz Abi Syujā'*, jld.1 Beirut: Dar al-Fikr dan Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif, h.230.

<sup>115</sup> Yūsuf al-Qardāwī (2000), *op.cit.*, h.25.

<sup>116</sup> Al-Qurtubī,(2008), *al-Jami'Li Ahkām al-Qurān*, jld 8, Lebanon: Dar al-Fikr, h. 166.

<sup>117</sup> Al-Sharbīnī (t.t.), *Mughnī al-Muhtāj*, jld.3, Beirut: Dar al-Fikr, h.114.

Abd Majid menukulkan kenyataan daripada Ibn ‘Abidin bahawa ulamak Hanafi berpendapat seseorang dianggap cukup keperluan atau termasuk kategori kaya apabila ia mempunyai kadar nisab atau lebih.<sup>118</sup> Manakala mazhab lain termasuk mazhab Syafie menyatakan bahawa zakat diberi untuk mencukupi sepanjang kehidupannya. Imam Nawawi menyatakan fakir dan miskin boleh diberi zakat sehingga mencukupi dirinya.<sup>119</sup> Begitu juga Abu Ubaid menyatakan jumlah pemberian zakat perlu sekurang-kurangnya sampai pada satu tahap yang membolehkan individu fakir dan miskin berasa puashati bantuan yang diterima seperti yang telah dilakukan pada zaman ‘Umar al-Khattāb.<sup>120</sup>

Berdasarkan takrifan golongan fakir dan miskin, istilah kecukupan dan keperluan asas manusia, dapat dirumuskan bahawa kemiskinan seringkali dikaitkan dengan kekurangan aspek keperluan asas sama ada dari aspek kewangan dan bukan kewangan. Aspek bukan kewangan boleh dikaitkan dengan sebab mengapa zakat perlu diagihkan kepada golongan ini supaya selari dengan objektif syariat Islam untuk menjaga keperluan asas sebagaimana yang digariskan dalam prinsip *maqāṣid syarīah* iaitu menjaga agama, akal, jiwa, maruah dan harta. Apabila pemahaman berkenaan konsep kemiskinan dan zakat maka segala usaha membasmi kemiskinan akan dapat diatasi dengan lebih berkesan kerana pelaksanaannya mengikut kehendak syariat Islam.

---

<sup>118</sup> Lihat Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *op.cit.*,hh.407-411.

<sup>119</sup> Al-Nawawi, *al-Majmū’*, jld. 6, Kaherah: Maktabah al-Imam, h.176.

<sup>120</sup> Lihat Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *op.cit.*,h.415.

## **2.18. *Haddul Kifāyah* Sebagai Indikator Yang Menggariskan Sempadan Kemiskinan.**

*Haddul kifāyah* bermaksud suatu garisan kecukupan bagi seseorang individu atau bagi sesebuah keluarga. Ia juga bermaksud asas keperluan diri dan tanggungan yang minum untuk menentukan kelayakan penerima zakat dengan mengambilkira perbezaan tempat tinggal, keperluan dan keadaan sosiekonomi.<sup>121</sup> Dalam konteks kajian ini, *Haddul kifāyah* merujuk kepada suatu garisan, had atau kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan oleh MAINS. Had ini juga digunakan bagi mengetahui berapakah kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi. Pengiraan *haddul kifāyah* dilakukan melalui sistem komputer yang akan menentukan kelayakan seseorang pemohon bagi tindakan selanjutnya oleh bahagian Baitul Mal MAINS dalam prosedur agihan zakat. Mereka yang berada di bawah *haddul kifāyah* akan dikategorikan miskin manakala yang lebih susah akan dikategorikan sebagai fakir.


## **2.19. Prosedur Agihan Zakat Negeri Sembilan.**

Agihan zakat yang disalurkan kepada asnaf fakir dan miskin mempunyai standard piawaian yang telah ditetapkan oleh MAINS. Prosedur ini merupakan panduan dan proses yang akan melibatkan antara pihak pemohon atau pengadu dengan Unit Agihan Zakat. Rajah 2.4. merupakan prosedur pengagihan zakat di Negeri Sembilan. Prosedur ini adalah di bawah tanggungjawab Unit Zakat Baitul Mal yang mengendalikan urusan agihan kepada asnaf yang layak menerima zakat.

---

<sup>121</sup> Manual Pengurusan Agihan Zakat (2007), *op.cit.*, h.4.

**Rajah 2.4: Prosedur Agihan Zakat Negeri Sembilan**



Sumber: Unit Agihan Zakat MAINS<sup>122</sup>

Berdasarkan rajah 2.4, setiap permohonan atau aduan mengenai fakir miskin akan dilakukan penyiasatan bagi mengesahkan kelayakan atau had kifayah mereka. Tempoh bagi setiap proses permohonan adalah seminggu dari tarikh borang permohonan. Namun adakalanya bagi kes-kes yang memerlukan bantuan segera, Unit Agihan Zakat akan memberi bantuan selepas disahkan bahawa mereka sememangnya perlu dibantu. Berdasarkan hasil temubual pengkaji bersama Pegawai Agihan Zakat MAINS, beliau mengakui tidak semua permohonan, jenis bantuan dapat disegerakan sekiranya maklumat berkenaan tidak lengkap. Meskipun ramai yang mendapat bantuan zakat tetapi ianya boleh diperbaiki bagi meningkatkan impak agihan zakat. Justeru, dengan adanya JKMM, ahli jawatankuasa masjid serta maklumat orang awam dapat

<sup>122</sup> Zainal bin Said, Pegawai Agihan Zakat MAINS, Temubual pada 7 Februari 2008.

membantu bagi mendapatkan maklumat fakir miskin seterusnya menyalurkan bantuan.<sup>123</sup>

## **2.20. Sorotan Kajian Mengenai Zakat.**

Sorotan kajian sangat penting kerana ia akan memberikan idea dan hala tuju tentang penyelidikan yang akan dijalankan.<sup>124</sup> Tindakan pertama yang perlu dilakukan oleh seseorang penyelidik setelah mengenalpasti masalah yang hendak dikajinya ialah membuat *literature review* atau menyoroti hasil kajian-kajian lepas yang ada kaitan dengan masalah itu.<sup>125</sup> Di dalam bahagian ini pengkaji akan melakukan sorotan kajian dari aspek faktor-faktor kemiskinan, golongan sasaran, kesan agihan zakat dan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan.

Secara amnya kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa agihan zakat kepada asnaf sememangnya memberi kesan ke atas pembasmian kemiskinan, sebagai instrumen agihan pendapatan dan kekayaan serta mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan.<sup>126</sup> Kajian-kajian mengenai zakat dan kemiskinan juga tidak hanya dilihat sebagai ibadat yang berbentuk keagamaan semata-mata malahan ianya dianggap sebagai mekanisma dan instrumen pembangunan sosioekonomi ummah.

---

<sup>123</sup> Zainal bin Said, Pegawai Agihan Zakat MAINS, Temubual pada 7 Febuari 2008

<sup>124</sup> Sidek Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h.30.

<sup>125</sup> Idris Awang (2009), *op.cit.*, h. 37.

<sup>126</sup> Lihat kajian oleh Ismail Muhd. Salleh dan Rogayah Ngah (1979); Jehle (1994); Patmawati Ibrahim, (2005, 2007 dan 2008).

Perbincangan pertama di Malaysia mengenai kemiskinan telah dilakukan oleh Za'ba.<sup>127</sup> Beliau menghuraikan keadaan kemiskinan di kalangan orang Melayu, punca dan penyelesaian memperbaiki masalah ini. Manakala kajian lanjut tentang definisi, pengukuran dan sebab-sebab kemiskinan ialah Ungku Aziz mengemukakan tiga sebab utama kemiskinan di kalangan orang Melayu iaitu pengabaian pemerintah, daya pengeluaran yang rendah dan eksploitasi.<sup>128</sup>

### **2.20.1. Kajian Mengenai Faktor-Faktor Kemiskinan.**

Menurut Mohd Amim Othman, lima faktor utama yang menyebabkan seseorang individu tergolong di dalam golongan berpendapatan rendah dan miskin ialah peribadi individu, saiz ahli keluarga yang besar, persekitaran individu, dasar-dasar kerajaan yang mempengaruhi pendapatan dan kebajikan dan dasar politik bagi negara yang memegang *status quo* akan cuba mengekalkan kewujudan golongan ini.<sup>129</sup>

Kadar kemiskinan turut berpunca daripada aspek pengurusan zakat yang tidak cekap seperti pengiraan, daya produktiviti yang rendah dan kadar agihan yang terlalu kecil. Misalnya, Mujaini Tarimin pula mendapati ada kemiskinan boleh berlaku akibat daripada aspek pengiraan zakat yang salah. Kajian ini menemui bahawa prinsip pengiraan jumlah nisab padi yang salah hanya akan menambah bebanan kepada golongan petani. Disebabkan itu juga ianya akan menambah bilangan isirumah yang hidup dalam kemiskinan. Ini berpunca kerana kos pengeluaran yang dibelanjakan oleh petani tidak ditolak daripada kiraan nisab. Kajian ini membuktikan kadar kemiskinan

---

<sup>127</sup> Za'ba (1923), "The Poverty of The Malays", *Malay Mail*, 1 Disember 1923.

<sup>128</sup> Ungku Aziz (1975), "*Jejak-jejak Di Pantai Zaman*", Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

<sup>129</sup> Mohd Amim Othman (2004), "Golongan Berpendapatan Rendah: Perspektif Islam", dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahya (eds.), *op.cit.*, hh.41-43.

juga adakala berpunca daripada aspek pengurusan kutipan zakat yang tidak bertepatan dengan objektif zakat sebagai mekanisma membasmi kemiskinan. Ini bermakna bahawa untuk memastikan golongan fakir miskin mendapat pembelaan daripada dana zakat maka aspek pengurusan kutipan perlu mengambil kira langkah-langkah berkesan bagi meningkatkan pendapatan golongan ini.<sup>130</sup>

Kajian Badarudin Abdul Hamid menyatakan bahawa kemiskinan berkait rapat dengan sumber pendapatan isi rumah. Selain itu kajian ini mendapati bahawa kemiskinan berlaku disebabkan oleh keadaan-keadaan berikut:

1. sebahagian besar ekonomi penduduk tempatan bergantung kepada pertanian tradisional.
2. Penghayatan Islam terutama oleh golongan muda belum sempurna dan mereka kurang berminat.
3. Ketua isi keluarga kebanyakannya hanya mempunyai pendidikan sekolah rendah sahaja.
4. Ramai belia di sana yang menganggur.<sup>131</sup>

Faktor kemiskinan terhadap masyarakat bandar pula boleh dilihat pada kajian Md. Taib Haji Dora. Kajian ini lebih komprehensif objektifnya untuk mendapatkan maklumat keluarga Melayu termiskin bandar, mengenalpasti faktor yang menyebabkan berlaku peminggiran dan meneliti program bantuan, strategi untuk atasi masalah kemiskinan bandar. Pengkaji menjawab permasalahan yang berlaku mengenai jumlah

---

<sup>130</sup> Mujaini Tarimin (1988), "Zakat Pertanian, Sistem Dan Pelaksanaannya Di Malaysia, Dengan Khas Mukim Tanjung Karang, Selangor", (Disertasi Sarjana Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

<sup>131</sup> Badarudin Abdul Hamid (1987), "Kemiskinan di Kalangan Masyarakat Melayu Luar Bandar Dari Perspektif Islam. Satu Kajian Kes Di Kampung-Kampung Ulu Teris, Bapong dan Berang", (Disertasi M.Phil Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya).



keluarga Melayu termiskin di bandar kerana statistik kemiskinan tidak membezakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sama ada di bandar atau luar bandar.

Hasil kajian ini mendapati bahawa profil keluarga Melayu termiskin terdiri dari ibu tunggal, ketua keluarga atau isi rumah muda selain dari golongan tua, uzur dan cacat. Mereka tinggal di kawasan perumahan awam dan bukannya setinggan. Dari segi pekerjaan pula kebanyakannya bekerja sendiri atau dengan pihak swasta. Mereka juga mempunyai tahap pendidikan setakat sekolah rendah sahaja dan sukar mendapat kerja yang bergaji lumayan. Mereka juga tiada kemahiran tertentu untuk meningkatkan pendapatan.

Selain itu kajian ini mendapati bahawa kemiskinan berlaku kerana berpunca daripada kegagalan sistem maklumat yang tidak menyeluruh, terkini dan tepat. Berlaku masalah kekurangan kakitangan, masalah karenah birokrasi juga turut menggagalkan bantuan kerajaan untuk membantu golongan miskin.

Sampel kajian yang terdiri daripada 877 keluarga mengikut kawasan Parlimen Kuala Lumpur digunakan untuk menjawab persolan mengapa masih berlaku kemiskinan Melayu di bandar. Pengkaji mendapati bahawa usaha membasmi kemiskinan oleh pihak Baitul Mal gagal, belum menampakkan hasilnya kerana kumpulan sasar tidak diberi bantuan dalam bentuk modal insan, motivasi dan bimbingan agar lebih berdaya maju. Manakala penerima bantuan Baitul Mal juga meningkat daripada 1730 orang pada tahun 1993 kepada 3059 orang pada tahun 1994.<sup>132</sup>

---

<sup>132</sup> Md. Taib Haji Dora (1997), "Kemiskinan Bandar: Satu Kajian Tentang Peminggiran Keluarga Melayu Termiskin Di Kuala Lumpur", (Tesis Ph.D Antropologi Dan Sosiologi, Universiti Malaya).

Kajian Dziauddin Syarif mendapati bahawa sistem agihan menentukan keberkesanan kepada sasaran. Agihan yang tidak berkesan menyebabkan kehidupan asnaf fakir dan miskin tidak akan berubah kepada golongan kaya. Meskipun didapati bahawa kutipan zakat meningkat pada setiap tahun (data yang digunakan pada tahun 2000 hingga 2002) tetapi masih tidak berjaya mengeluarkan asnaf dari takrif kemiskinan. Begitu juga di dapati bahawa bilangan amil yang ramai tidak menjamin meningkatkan jumlah kutipan. Bantuan yang diagihkan tidak cukup untuk menampung keperluan harian seperti keperluan hari raya. Zakat fitrah juga diagihkan kepada mereka selepas hari raya. Kajian ini juga mendapati peruntukan asnaf fakir miskin lebih rendah berbanding dengan asnaf lain. Contohnya mereka tiada peruntukan untuk hari raya, diganti dengan peruntukan sebanyak 4 kali dalam setahun untuk asnaf fakir sementara 2 kali setahun pula untuk asnaf miskin. Kajian ini juga mencadangkan agar pihak Baitul Mal menyediakan data perangkaan bilangan fakir miskin dengan lengkap agar agihan dapat disalurkan dengan lebih cekap.<sup>133</sup>

Gavin W Jones menyatakan data kemiskinan sebagai faktor kemunculan kumpulan pengganas antarabangsa di kalangan umat Islam. Pertambahan penduduk yang tidak mengambilkira kebajikan juga akhirnya menyumbang kepada pertambahan bilangan golongan miskin. Negara yang majoriti Muslim seperti Afghanistan, Sierra Lone, Somalia dan Burkina Faso di mana lebih separuh penduduknya mempunyai pendapatan perkapita USD 1,000 setahun. Kajian beliau memberi petunjuk bahawa kemiskinan lebih tertumpu di kalangan negara yang mempunyai majoriti beragama Islam.<sup>134</sup>

---

<sup>133</sup> Dziauddin Syarif (2003), "Sistem Pungutan dan Agihan Zakat Fitrah. Kajian di Baitul Mal Negeri Sembilan", (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya).

<sup>134</sup> Gavin W Jones (2006), "Perspective A Demographic Perspective On The Muslim World", *Journal of Population Research* Vol.23, No.2.

Semua hasil kajian di atas mendapati bahawa faktor-faktor kemiskinan berkisar mengenai situasi kekurangan dari sudut keperluan asas, sistem agihan bantuan yang lemah, kekurangan pendapatan dan tahap pendidikan rendah. Faktor-faktor tersebut dilihat dari sudut individu dan juga institusi yang berkaitan dengan agihan.

### **2.20.2. Kajian Mengenai Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan.**

Kajian empirikal telah dilakukan oleh Ismail Muhd. Salleh dan Rogayah Ngah. Gabungan teori zakat dan bukti empirikal dengan Koefisien Gini telah digunakan untuk mengukur kesan agihan zakat dalam pendapatan sebelum dan selepas menerima zakat. Hasil kajian mendapati bahawa agihan zakat telah memperbaiki pendapatan penerima zakat.<sup>135</sup>

Kajian Geoffrey A. Jehle mengenai kesan agihan zakat juga telah membuktikan secara empirikal mengukur ketidakseimbangan agihan pendapatan di Pakistan. Melalui data yang diambil dari tahun 1987 hingga 1988, beliau menggunakan AKS indeks untuk mengukur ketidakseimbangan pendapatan. Hasil kajian mendapati bahawa sememangnya agihan zakat yang telah diberi kepada asnaf telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan di Pakistan. Jehle menggunakan data HIES (Household Income dan Expenditure Survey) pada tahun 1987-88 yang meliputi 8,384 isirumah penduduk bandar dan 9761 isirumah di luar bandar. Pendapatan garis kemiskinan di Pakistan ialah Rs 242 sebulan dan 23 peratus populasi mempunyai pendapatan di bawah paras kemiskinan. 63 peratus populasi dewasa merupakan penerima zakat. Setiap indeks pendapatan berkurangan bagi mereka yang menerima

---

<sup>135</sup> Ismail Muhd. Salleh dan Rogayah Ngah (1980), "Agihan Tanggungan Zakat ke Atas Pengeluar-Pengeluar Padi di Semenanjung Malaysia", (Seminar Zakat 2-6 Jan 1980: Petaling Jaya).

zakat berbanding dengan mereka yang tidak menerima zakat. Ia membuktikan bahawa sistem zakat mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan dan meningkatkan kebajikan sosial kepada asnaf.<sup>136</sup>

Manakala Ismail Sirageldin menyatakan masalah kemiskinan merupakan satu fenomena yang begitu kompleks dan meliputi ke seluruh negara. Justeru ia sangat memerlukan strategi yang sangat efektif dalam meningkatkan pembangunan dan membasmi kemiskinan. Membasmi kemiskinan adalah cabaran dalam pembangunan masyarakat. Oleh kerana itu institusi zakat perlu dilihat sebagai satu komponen utama dalam komitmen sesuatu masyarakat. Membasmi kemiskinan juga perlu didokong dengan prinsip pembangunan ekonomi dan produktiviti ekuiti.<sup>137</sup>

Kajian oleh Abdul Rahim Abdul Rahman menunjukkan bahawa keberkesanan institusi zakat untuk menjadi institusi utama dalam sistem kewangan Islam di Malaysia antaranya memerlukan adanya ukuran kadar harta zakat perniagaan, penyelarasan amalan perakaunan zakat dan pembangunan sistem ukuran zakat. Beliau juga mengukur jumlah asnaf yang menerima agihan zakat yang telah berjaya dikeluarkan dari garisan kemiskinan (had kifayah).<sup>138</sup>

Abdul Aziz Muhammad antara lain kajian beliau telah membuktikan bahawa agihan zakat berperanan untuk membasmi kemiskinan, instrumen agihan pendapatan dan kekayaan dalam Islam. Tujuan kajian ini adalah untuk mencadangkan usaha yang boleh membantu membanteras kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan

---

<sup>136</sup> Geoffrey A. Jehle (1994), "Zakat And Inequality: Some Evidence From Pakistan", *The Review of Income and Wealth*, Series 40, Number 2.

<sup>137</sup> Ismail Sirageldin (2000), *op.cit.*, hh.1-16.

<sup>138</sup> Abdul Rahim Abdul Rahman (2007), *op.cit.*, hh. 91-107.

pendapatan di Malaysia. Hasil kajian ini menguatkan lagi betapa pentingnya zakat diagihkan dengan berkesan untuk membasmi kemiskinan. Tetapi ianya harus menepati sasaran untuk membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan isirumah miskin, mengurangkan jurang pendapatan dan dasar agihan pendapatan yang seimbang. Pengkaji juga mencadangkan agar agihan zakat untuk asnaf riqab yang sudah tidak ada diberikan kepada fakir miskin dengan menjadikannya modal perniagaan.<sup>139</sup>

Kajian yang membincangkan fungsi zakat sebagai agen pembangunan ekonomi dilakukan oleh Mujaini Tarimin. Pengkaji telah menyenaraikan fungsi zakat dari sudut ekonomi antaranya menyelesaikan masalah ketidakseimbangan pendapatan dan ekonomi individu dan negara, mengubah nasib golongan yang dalam kesusahan, memberi bantuan asas seperti makan minum, pakaian dan perubatan, mengimbangi pendapatan perkapita penduduk negara, mempertahankan kesinambungan aliran ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Beliau telah mencadangkan agar program membasmi kemiskinan dijadikan sebagai agenda utama bagi memulihkan kepercayaan orang ramai terhadap institusi baitul mal. Ini berdasarkan kepada permasalahan yang dikaji mengenai masalah terhadap pengurusan kutipan zakat yang masih di tahap mendukacitakan dan kurang efisien.<sup>140</sup>

Paimuzi Yahya dalam kajiannya menumpukan skop berkaitan agihan zakat mempunyai peranan besar untuk membasmi kemiskinan. Masalah kajian ini ialah kadar agihan antara asnaf tidak seimbang dan ada asnaf hanya mencukupi sahaja. Kajian ini mencadangkan agar tumpuan harus diutamakan kepada asnaf fakir miskin dan

---

<sup>139</sup> Abdul Aziz Muhammad (1986), "Zakat And Rural Development In Malaysia. An Ethical Analysis Of The Concept Of Growth And Redistribution Of Income And Wealth In Islam And Their Practices In A Contemporary Muslim Society", (Tesis Phd Temple University).

<sup>140</sup> Mujaini Tarimin (1995), *op.cit.*

mempelbagaikan bentuk agihan. Agihan zakat mesti berdasarkan had kifayah dengan memberi bantuan pakaian, makan minum, tempat tinggal yang secukupnya.<sup>141</sup>

Seterusnya Fuadah Johari menjalankan kajian mengenai keberkesanan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan di Melaka berpendapat bahaya kemiskinan tidak boleh dipandang ringan dan perlu dibanteras dengan bersungguh-sungguh. Kajian ini telah mengambil sampel seramai 60 orang golongan fakir miskin yang telah mendapat bantuan zakat daripada Majlis Agama Islam Melaka. Sampel ini mewakili daerah Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah. Permasalahan kajian beliau ialah adakah pemberian zakat dapat membasmi kemiskinan di Melaka dan apakah bukti-bukti empirikal untuk menyokong hujah-hujah berkaitan pembasmian kemiskinan. Antara objektif kajian ini ialah untuk mengkaji fungsi zakat sebagai institusi ekonomi Islam yang dapat mengatasi masalah kemiskinan. Ia juga mengkaji peranan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menangani masalah kemiskinan, mengkaji keberkesanan agihan zakat terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan fakir miskin sebelum dan selepas agihan zakat.<sup>142</sup>

Dengan menggunakan Korelasi Pearson untuk melihat hubungan antara pungutan dan agihan zakat di Melaka serta hubungan antara pungutan zakat dan agihan terhadap asnaf fakir dan miskin. Hasilnya kedua-duanya mempunyai korelasi yang positif kerana menghampiri 1. Beliau juga menggunakan Indeks Insiden Kemiskinan untuk mengukur kadar kemiskinan sebelum dan selepas agihan zakat diberi kepada asnaf fakir dan miskin. Hasil kajian mendapati selepas agihan zakat bilangan isirumah

---

<sup>141</sup> Paimuzi Yahya (1996), "Pengagihan Zakat Di Malaysia", (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>142</sup> Fuadah Johari (2003), "Keberkesanan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Melaka", (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya).

miskin yang berada di bawah paras kemiskinan (RM510.00) telah berkurangan sebanyak 10%.

Kajian ini juga mendapati bahawa pendapatan responden telah meningkat selepas menerima zakat. Golongan yang berpendapatan RM 511 sebelum menerima zakat telah meningkat daripada 8.3% kepada 13.3%. Keluk Lorenz digunakan untuk membandingkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di antara beberapa kumpulan isirumah pada suatu masa tertentu. Koefisien Gini yang digunakan untuk melihat darjah ketidakseimbangan pendapatan telah menunjukkan agihan zakat telah mengecilkan keluk daripada 0.49 kepada 0.42.

Seterusnya kajian mengenai kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir miskin dilakukan oleh Hairunnizam Wahid et.al mendapati bahawa bantuan zakat memberi kesan signifikan dari sudut kualiti hidup. Dengan menggunakan data primer melalui temubual kajiselidik terhadap penerima zakat seramai 140 orang di daerah Taiping, Sandakan dan Jerantut sebagai responden melihat lima kualiti yang digariskan dalam pengiraan kualiti hidup di Malaysia. Ia meliputi pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan penyertaan sosial. Hasil kajian mendapati kualiti hidup golongan miskin secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan di mana hanya 34% sahaja yang memberikan jawapan memuaskan. Namun begitu kajian ini mendapati golongan miskin dapat meningkatkan kualiti hidup melalui aspek pendidikan anak-anak hasil bantuan zakat. Daripada keputusan regresi logistik pula menunjukkan hubungan antara pembolehubah bantuan zakat dengan lima kualiti hidup. Kajian ini mendapati

bantuan zakat memberi kesan yang signifikan terhadap kualiti pendidikan dan penyertaan sosial golongan miskin.<sup>143</sup>

Kajian yang dilakukan oleh Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid di Pusat Zakat Selangor telah membuat penilaian semula keberkesanan agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin. Kajian ini mendapati bahawa agihan berbentuk modal merupakan agihan yang berkesan untuk melepaskan seseorang daripada perangkap kemiskinan. Data yang dikaji diambil pada tahun 1995 hingga 2003.

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan penerima zakat di Selangor. Hasil kajian ini mendapati bahawa 90% dikatakan berjaya melepasi garis kemiskinan. Pada tahun 1998 seramai 140 asnaf fakir dan miskin diberi modal dan telah berjaya keluar dari kemiskinan. Walaupun kajian ini lebih menumpukan kepada aspek pengurusan agihan zakat yang dilakukan oleh Pusat Zakat Selangor tetapi sekurang-kurangnya menjadi satu lagi bukti bahawa agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin telah berjaya mengeluarkan mereka daripada terus hidup di dalam kemiskinan.<sup>144</sup>

Abdul Rahim Abdul Rahman mengatakan zakat merupakan sebahagian daripada sistem sosial dalam memberikan hak daripada golongan kaya kepada golongan miskin. Zakat juga merupakan mekanisma dalam pengagihan kekayaan, yang boleh mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Dari sudut teori zakat

---

<sup>143</sup> Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Nor (2004), *op.cit.*, h.151-166.

<sup>144</sup> Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid (2004), "Pelaksanaan Agihan Zakat Terhadap Asnaf Fakir Dalam Membasmu Kemiskinan: Kajian Khusus Di Pusat Zakat Selangor", (Disertasi Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya).



sepatutnya dapat meningkatkan kuasa membeli golongan miskin, meningkatkan kemajuan pembangunan ekonomi melalui perbelanjaan dan permintaan pengguna.<sup>145</sup>

Manakala Patmawati Ibrahim telah melakukan kajian empirikal berkaitan kesan agihan zakat di Selangor. Kajian ini menumpukan kepada kesan agihan zakat ke atas agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin di negeri Selangor. Data kajian diambil bagi tahun 2001-2002.

Dengan menggunakan lima indeks kemiskinan iaitu kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, jurang pendapatan, Sen index dan FGT Index hasil kajian ini mendapati bahawa agihan zakat berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 62% kepada 51%. Jurang kemiskinan juga berkurangan dari RM 315 kepada RM 281. Selain itu jurang pendapatan turut mengalami penurunan dari 59% kepada 53%. Manakala Sen Index yang digunakan untuk mengukur tekanan kemiskinan berkurangan dari 0.47 kepada 0.32. FGT index juga berkurangan dari 0.27 kepada 0.17.<sup>146</sup>

Hasil sorotan kajian yang telah dihuraikan di atas maka kesan agihan zakat sememangnya telah membuktikan perkara-perkara berikut:

- a) Agihan zakat berkesan mengurangkan kadar kemiskinan.

---

<sup>145</sup> Abdul Rahim Abdul Rahman (2007), *op.cit.*, h.91.

<sup>146</sup> Patmawati Ibrahim (2005), "Economic Role Of Zakat In Reducing Income Inequality and Poverty in Malaysia: A Case Study of Selangor" (Tesis Ph.D Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Univerisiti Putra Malaysia). Patmawati Ibrahim (20027), "Peranan Agihan Zakat Dalam Peningkatan Tahap Ekonomi Ummah" (Kertas kerja Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan (2007) di PWTC, Kuala Lumpur, 22- 24/5/07 h. 1-21). Patmawati Ibrahim (2005), "Potential Role of Zakat Distribution in Reducing Income Inequality Among The Muslim Society" dalam Abdullah Alwi Hj. Hassan (editor), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h.224. Patmawati Ibrahim (2008), "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat:Kajian Empirikal" *Jurnal Syariah*, Jil 16 (2).

- b) Agihan zakat berkesan memperbaiki jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah jurang pendapatan.
- c) Agihan zakat berkesan mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan.

Namun begitu masalah kemiskinan yang masih terus wujud sehingga ke hari ini mempunyai pelbagai faktor-faktor yang memerlukan pendekatan agihan yang lebih efektif dan seiring dengan peningkatan kos sara hidup. Kajian lepas turut mengenalpasti aspek agihan bantuan masih mempunyai kelemahan untuk membuat pemantauan golongan miskin ini daripada terpinggir akibat arus pembangunan yang semakin pesat.

Selain itu kekurangan pengkalan data kemiskinan, kelemahan program jangka masa panjang dan definisi yang menerangkan tentang kemiskinan masih dibincangkan oleh pengkaji. Bagi membantu usaha membasmi kemiskinan pendekatan yang lebih efektif dan bersesuaian perlu sentiasa dikemaskini dan berupaya mengekang kadar golongan miskin semakin bertambah dan tercicir daripada menerima bantuan dana zakat.

Hasil cadangan daripada kajian-kajian lepas turut berkongsi idea dalam perkara utama untuk memastikan agihan zakat benar-benar efektif kepada golongan fakir miskin. Antara cadangan itu ialah membuat penilaian semula bentuk bantuan, mengenalpasti pelaksanaan program untuk meningkatkan produktiviti, mewujudkan kerjasama yang sepadu antara institusi zakat, kementerian, badan korporat dan badan bukan kerajaan. Selain itu sistem pengurusan zakat perlu dipertingkatkan ke tahap yang

lebih berkualiti dari masa ke semasa. (Mujaini Tarimin,1987; Kasim Labata,2004; Patmawati Ibrahim,2008)

Sorotan kajian lepas juga mendorong pengkaji untuk melihat keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan terhadap golongan fakir miskin. Justeru kajian tentang kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan perlu diteruskan dengan mengambilkira aspek kelemahan yang telah disebutkan seperti di atas. Semua kajian lepas bersetuju bahawa zakat merupakan mekanisma untuk meningkatkan taraf ekonomi seseorang maka kajian seperti ini perlu diteruskan untuk menghuraikan permasalahan mengapa kemiskinan masih terus berlaku. Selagi golongan ini masih wujud maka mekanisma untuk membasmi kemiskinan yang menggunakan dana zakat sangat wajar dikemaskini dan dipertingkatkan seiring dengan matlamat dan falsafah Islam untuk memastikan keadilan dan keseimbangan kepada semua golongan.

## **2.21. Kesimpulan**

Zakat merupakan salah satu sumber penting dalam sistem ekonomi Islam. Ia berperanan sebagai mekanisma dalam agihan semula kekayaan kepada masyarakat. Pengagihan dan pendapatan pula merupakan salah satu Indeks Kualiti Hidup Malaysia dan menjadi angkubah penting untuk membasmi kemiskinan. Islam juga menasihatkan agar umatnya tidak terjebak dalam kemiskinan malahan mengajar supaya sentiasa berusaha dan menjadi pembayar zakat untuk membantu penerima yang berhak mendapat zakat. Tetapi perspektif Islam menjelaskan kemiskinan bukan sekadar kekurangan harta atau pendapatan sahaja. Kemiskinan boleh berlaku dari aspek kerohanian atau jiwa. Kedua-duanya sama penting dan semuanya perlu dibasmi. Dalam

konteks kajian ini keberkesanan agihan zakat merujuk kepada perubahan-perubahan nilai yang terdapat pada 5 indeks kemiskinan iaitu (1) mengurangkan kadar kemiskinan, (2) mengurangkan jurang kemiskinan, (3) memperbaiki purata jurang kemiskinan, (4) mengecilkan nisbah jurang pendapatan dan (5) memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan. Indeks-indeks kemiskinan ini akan dibuat perbandingan dalam dua keadaan iaitu (1) sebelum golongan miskin menerima agihan zakat dan (2) selepas asnaf menerima agihan zakat. Sekiranya nilai pada indeks sebelum menerima agihan zakat lebih besar daripada nilai selepas menerima agihan zakat ini menunjukkan bahawa agihan zakat berkesan dalam membasmi kemiskinan. Tetapi sekiranya nilai indeks sebelum menerima agihan zakat lebih kecil daripada nilai selepas menerima agihan zakat ini menunjukkan bahawa agihan zakat tidak berkesan untuk membasmi kemiskinan. Disebabkan kajian agihan zakat juga amat luas dan sentiasa berterusan maka kajian ini menumpukan aspek kesan agihan zakat dari aspek monetari. Namun dari aspek non monetari juga tidak diabaikan dan kesan agihan zakat melalui perspektif *maqāṣid syarāh* dianalisis untuk mendapat rumusan yang seimbang.